

### **BAB 3**

## **CALON WANITA MUSLIM YANG MENYERTAI PILIHAN RAYA UMUM DARI TAHUN 1959-2008 DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Bab ini menyenaraikan kesemua calon wanita Muslim yang menyertai PRU dari tahun 1959 sehingga 2008 di Semenanjung Malaysia bagi kerusi DUN dan Parlimen. Penjelasan ini akan merangkumi sebelas negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pencalonan wanita Muslim pada peringkat awal bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia ternyata memberikan suatu perubahan yang besar dalam politik. Di dalam sejarah, telah tercatat bahawa wanita Muslim merupakan golongan yang terawal menonjolkan diri dalam parti politik. Walaupun demikian, mereka mula melibatkan diri dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1959. Manakala calon wanita yang bukan beragama Islam pula telah pun berada dalam senarai pencalonan pada peringkat awal pilihan raya yang dijalankan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan.

Meskipun begitu, golongan wanita Muslim akhirnya mengambil bahagian dalam proses pencalonan pilihan raya sehinggalah ke hari ini. Penyertaan calon-calon wanita Muslim ini ternyata memberi satu impak yang luar biasa berikutan pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan setakat ini. Oleh itu, berikut adalah senarai pencalonan calon wanita Muslim dari tahun 1959 sehingga tahun 2008 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia meliputi kerusi DUN dan Parlimen.

### 3.1 Johor

Johor Darul Ta'zim merupakan negeri yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Negeri yang mempunyai 10 daerah ini bersempadan dengan tiga negeri lain iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan juga Pahang. Suatu ketika dahulu, negeri ini pernah menjadi tumpuan para pedagang terutamanya dari bangsa Arab. Berikutan itu, negeri ini diberi nama Johor iaitu daripada perkataan Arab “*Jauhar*” yang bermaksud “Permata Berharga”<sup>119</sup>.


#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN bagi negeri Johor terdiri daripada 56 kawasan, iaitu:

N1 Buloh Kasap	N21 Parit Yani	N41 Puteri Wangsa
N2 Jementah	N22 Parit Raja	N42 Johor Jaya
N3 Pemanis	N23 Penggaram	N43 Permas
N4 Kemelah	N24 Senggarang	N44 Tanjong Puteri
N5 Tenang	N25 Rengit	N45 Stulang
N6 Bekok	N26 Machap	N46 Pengkalan Rinting
N7 Bukit Serampang	N27 Layang-Layang	N47 Kempas
N8 Jorak	N28 Mengkibol	N48 Skudai
N9 Gambir	N29 Mahkota	N49 Nusa Jaya
N10 Tangkak	N30 Paloh	N50 Bukit Permai
N11 Serom	N31 Kahang	N51 Bukit Batu
N12 Bentayan	N32 Endau	N52 Senai
N13 Sungai Abong	N33 Tenggaroh	N53 Benut
N14 Bukit Naning	N34 Panti	N54 Pulai Sebatang
N15 Maharani	N35 Pasir Raja	N55 Pekan Nenas
N16 Sungai Balang	N36 Sedili	N56 Kukup
N17 Semerah	N37 Johor Lama	
N18 Sri Medan	N38 Penawar	
N19 Yong Peng	N39 Tanjong Surat	
N20 Semarang	N40 Tiram	

---

<sup>119</sup> Portal Rasmi Negeri Johor Darul Takzim, laman sesawang <http://www.johordt.gov.my>, dicapai 14 Mei 2012.



**Rajah 3.1: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Johor**

**PARLIMEN**

Manakala bagi parlimen pula terdapat 26 kawasan, iaitu:

- |                   |                      |                   |
|-------------------|----------------------|-------------------|
| P140 Segamat      | P150 Batu Pahat      | P160 Johor Bahru  |
| P141 Sekijang     | P151 Simpang Renggam | P161 Pulai        |
| P142 Labis        | P152 Kluang          | P162 Gelang Patah |
| P143 Pagoh        | P153 Sembrong        | P163 Kulai        |
| P144 Ledang       | P154 Mersing         | P164 Pontian      |
| P145 Bakri        | P155 Tenggara        | P165 Tanjung Piai |
| P146 Muar         | P156 Kota Tinggi     |                   |
| P147 Parit Sulong | P157 Pengerang       |                   |
| P148 Ayer Hitam   | P158 Tebrau          |                   |
| P149 Sri Gading   | P159 Pasir Gudang    |                   |

### 3.1.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Johor dari tahun 1959 hingga 2008

Mengenai penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya umum di negeri Johor, tahun 1959 merupakan hari bersejarah bagi wanita Muslim apabila Fatimah Abdul Majid dicalonkan bagi kawasan Tanjung Petri (N24) dan mewakili parti Perikatan (PER). Walaubagaimanapun, beliau tewas di tangan calon FS (*Front Socialist*) iaitu Chu Choon Yong dengan majoriti hanya 58 undi sahaja. Selain calon FS, terdapat seorang lagi calon dari PN (Parti Negara) yang bertanding bagi kawasan yang sama iaitu Wan Mohamed Ibrahim.

**Jadual 3.1 : Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1959**

<b><i>TAHUN</i></b>	<b><i>NAMA</i></b>	<b><i>PARTI</i></b>	<b><i>KAWASAN</i></b>	<b><i>JUMLAH UNDI</i></b>
<b><i>1959</i></b>	<b>Fatimah Abd. Majid</b>	<b>PER</b>	<b>Tanjung Petri (N24)</b>	<b>2,356</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 1964, berlaku persaingan sengit di antara dua calon wanita iaitu Hasnah Ahmad dari parti PER dan Khadijah Sidik yang mewakili PAS. Kedua-dua calon bertanding bagi kerusi Plentong (N23) bersama-sama dengan seorang lagi calon dari parti FS iaitu Ng Tang Seng. Namun, kejayaan berpihak kepada Hasnah dengan majoriti 4,109 undi. Di kawasan Serom (N32) pula, Rapiah Hussein dari parti FS gagal di tempat sendiri apabila Ngah A. Rahman dari parti PER menang selesa dengan memperolehi 9,071 undi berbanding Rapiah dengan 1,409 undi.

**Jadual 3.2: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1964**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>PARTI</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1964</b>	<b>Hasnah Ahmad Khadijah Sidik Rapiyah Hussein</b>	<b>PER PAS FS</b>	<b>Plentong (N23) Plentong (N23) Serom (N32)</b>	<b>6,601 687 1,409</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1969, calon baru dari parti PER iaitu Zaharah Abdul Majid menang tanpa bertanding bagi kawasan Parit Jawa (N7). Manakala Hasnah yang bertanding dalam pilihan raya sebelum ini juga berjaya mengekalkan kedudukan di tempat sendiri (Plentong) dengan memperolehi 6,209 undi apabila calon DAP (*Democratic Action Party*) iaitu Ali Ibrahim tewas dengan 3,405 undi. Dua calon dari parti PER ini juga berjaya meraih kemenangan apabila sekali lagi dipertandingkan bagi pilihan raya 1974. Walaubagaimanapun, kedua-dua calon ini bertanding di kawasan yang berlainan berbanding sebelum ini. Zaharah Abdul Majid menang selesa di kawasan Sri Menanti (N23) dan Hasnah Ahmad pula menang tanpa bertanding bagi kawasan Tiram (N31).

**Jadual 3.3: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1969-1978**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1969</b>	<b>Zaharah Abdul Majid</b>	<b>Parit Jawa (N7)</b>	<b>PER</b>	<b>M/T.B</b>
	<b>Hasnah Ahmad</b>	<b>Plentong (N23)</b>	<b>PER</b>	<b>6,209</b>
<b>1974</b>	<b>Zaharah Abdul Majid</b>	<b>Sri Menanti (N23)</b>	<b>BN</b>	<b>5,476</b>
	<b>Hasnah Ahmad</b>	<b>Tiram (N31)</b>	<b>BN</b>	<b>M/T.B</b>
<b>1978</b>	<b>Zaharah Abdul Majid</b>	<b>Kota Tinggi (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>6,810</b>
	<b>Hasnah Ahmad</b>	<b>Sri Menanti (N23)</b>	<b>BN</b>	<b>9,820</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Bagi tiga musim berturut-turut, sekali lagi Hasnah Ahmad dan Zaharah Abdul Majid bertanding dalam pilihan raya dan kali ini pada tahun 1978, mereka juga berjaya menewaskan pihak lawan yang merupakan calon-calon dari parti PAS (Parti Islam SeMalaysia). Zaharah Abdul Majid masih mengekalkan kawasan yang sama (Sri Menanti), manakala Hasnah Ahmad pula bertanding di kawasan lain iaitu Kota Tinggi (N19). Ini menunjukkan kuasa wanita masih berpengaruh dalam masyarakat setempat.

Dalam tahun 1982, BN mengemukakan calon tunggal iaitu Sabariah Ahmad dan beliau menang dengan majoriti 7,827 undi bagi kawasan Kesang (N12) berikutan kekalahan pihak lawan dari parti PAS iaitu Taib Kassim. Sabariah Ahmad sekali lagi dipertandingkan dalam pilihan raya 1986 dan beliau menang selesa dengan majoriti 8,156 undi. Kali ini, beliau bertanding di kawasan baru iaitu Jorak (N6). Sementara itu, seorang lagi calon BN yang mewakili Pulau Sebatang (N35) iaitu Khatijah Md. Som juga berjaya menumbangkan pihak lawan dari DAP iaitu Chen Jun Kong dengan majoriti 4,707 undi.

**Jadual 3.4: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN tahun 1982-1986**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1982</b></i>	<b>Sabariah Ahmad</b>	<b>Kesang (N12)</b>	<b>BN</b>	<b>9,315</b>
<i><b>1986</b></i>	<b>Sabariah Ahmad</b>	<b>Jorak (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>10,427</b>
	<b>Khatijah Md. Som</b>	<b>Pulai Sebatang (N35)</b>	<b>BN</b>	<b>12,488</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1990, terdapat lima calon wanita Muslim yang bertanding iaitu tiga daripadanya mewakili BN dan selebihnya dari parti S46 (Semangat 46). Kesemua calon BN yang dipertandingkan berjaya di kawasan masing-masing iaitu Sabariah Ahmad dan Khatijah Md. Som yang bertanding dalam pilihan raya sebelum ini serta Atikah

Abdullah di Sri Medan (N13). Malangnya calon-calon dari parti S46 iaitu Asiah Rimam (Tenang N7) dan Zahrah Yusof (Gertak N32) gagal di tempat sendiri apabila ditewaskan oleh pihak lawan dari BN.

**Jadual 3.5: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1990**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1990</b>	<b>Sabariah Ahmad</b>	<b>Jorak (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>8,573</b>
	<b>Asiah Rimam</b>	<b>Tenang (N7)</b>	<b>S46</b>	<b>5,124</b>
	<b>Atikah Abdullah</b>	<b>Sri Medan (N13)</b>	<b>BN</b>	<b>10,997</b>
	<b>Khatijah Mohd. Som</b>	<b>Benut (N24)</b>	<b>BN</b>	<b>9,439</b>
	<b>Zahrah Yusof</b>	<b>Gertak Merah (N32)</b>	<b>S46</b>	<b>6,869</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 1995, Sabariah Ahmad yang mewakili BN berjaya menewaskan seterunya dari S46 iaitu Ab. Rahim @ Ibrahim Elias dengan majoriti 7,962 undi di kawasan yang sama. Kejayaan itu turut dikongsi bersama dengan dua lagi calon BN iaitu Atikah Abdullah yang bertanding di kawasan yang sama sebelum ini serta Khatijah Md. Som di Pulau Sebatang. Manakala seorang lagi calon dari BN iaitu Halimah Mohd. Sadique yang pertama kali bertanding dalam pilihan raya juga memperolehi kemenangan besar dengan majoriti 14,630 undi di Gunung Lambak (N24).

**Jadual 3.6: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1995**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1995</b>	<b>Sabariah Ahmad</b>	<b>Jorak (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>10,797</b>
	<b>Atikah Abdullah</b>	<b>Sri Medan (N13)</b>	<b>BN</b>	<b>15,987</b>
	<b>Halimah Mohd Sadique</b>	<b>Gunung Lambak (N24)</b>	<b>BN</b>	<b>18,048</b>
	<b>Khatijah Mohd. Som</b>	<b>Pulai Sebatang (N39)</b>	<b>BN</b>	<b>14,849</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1999, Halimah Sadique berjaya mengekalkan kedudukan di kawasan yang sama sebelum ini apabila Salleh Farmin dari PAS berjaya dikalahkan dengan majoriti 14,368 undi. Selain itu, kehadiran tiga calon baru dari BN ternyata tidak menghampakan iaitu Jamilah Othman (Bukit Naning N15), Asiah Md. Ariff (Sedili N29) dan Jamilah Endan (Kukup N40) apabila berjaya menewaskan calon-calon lelaki dari PAS dan PKN (Parti Keadilan Nasional). Sebaliknya, Nor'Aini Saidi dari PKN tewas dengan majoriti 11,578 undi di Simpang Renggam (N25)

**Jadual 3.7: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 1999**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1999</b></i>	<b>Jamilah Othman</b>	<b>Bukit Naning (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>10,455</b>
	<b>Halimah Mohd Sadique</b>	<b>Gunung Lambak (N24)</b>	<b>BN</b>	<b>19,348</b>
	<b>Nor'Aini Saidi</b>	<b>Simpang Renggam (N25)</b>	<b>PKN</b>	<b>5,956</b>
	<b>Asiah Md. Ariff</b>	<b>Sedili (N29)</b>	<b>BN</b>	<b>17,481</b>
	<b>Jamilah Endan</b>	<b>Kukup (N40)</b>	<b>BN</b>	<b>16,680</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya 2004 sekali lagi menyaksikan pencalonan wanita Muslim berjaya memperolehi kemenangan apabila lima daripadanya menewaskan saingan masing-masing. Calon-calon lama dari BN seperti Halimah Mohd. Sadique, Asiah Md. Ariff serta Jamilah Endan kekal di kawasan masing-masing iaitu Pasir Raja (N35), Johor Lama (N37) dan Kukup (N56) setelah menumpaskan calon-calon lelaki dari PAS. Sementara itu, Robia Kosai seorang pendatang baru dari BN turut meraikan kemenangan dengan kegagalan pihak lawan di kawasan Sungai Balang (N16) iaitu Malik Mohamad Diah dari PAS. Bagi calon PKN, Zaliha Mustafa tewas di tangan calon



BN iaitu Ali Muhammad dengan majoriti 19,767 undi bagi kawasan Tanjong Puteri (N44).

**Jadual 3.8: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 2004**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<b>2004</b>	<b>Robia Kosai</b>	<b>Sungai Balang (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>9,701</b>
	<b>Halimah Mohd Sadique</b>	<b>Pasir Raja (N35)</b>	<b>BN</b>	<b>10,402</b>
	<b>Asiah Md. Ariff</b>	<b>Johor Lama (N37)</b>	<b>BN</b>	<b>10,039</b>
	<b>Zaliha Mustafa</b>	<b>Tanjong Puteri (44)</b>	<b>PKN</b>	<b>6,515</b>
	<b>Jamilah Endan</b>	<b>Kukup (N56)</b>	<b>BN</b>	<b>11,544</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Tahun 2008 menyaksikan hanya tiga pencalonan bagi kawasan DUN di negeri Johor. Robia Kosai dan Asiah Md. Ariff yang telah bertanding dalam pilihan raya sebelum ini berjaya mengekalkan kedudukan di tempat masing-masing apabila menumpaskan pihak lawan dari PAS iaitu Malik Mohamad Diah dengan majoriti 2,018 undi dan Kamaldin Tahir dengan majoriti 6,305 undi. Manakala Hamimah Mansor yang mewakili BN untuk pertama kali juga mencapai kemenangan di kawasan Penawar (N38) apabila Md. Paimon Jasmin dari PAS dengan majoriti 10,102 undi.

**Jadual 3.9: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<b>2008</b>	<b>Robia Kosai</b>	<b>Sungai Balang (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>7,667</b>
	<b>Asiah Md. Ariff</b>	<b>Johor Lama (N37)</b>	<b>BN</b>	<b>8,668</b>
	<b>Hamimah Mansor</b>	<b>Penawar (N38)</b>	<b>BN</b>	<b>11,466</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.1.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Johor dari tahun 1959 hingga 2008

Bagi kawasan Parlimen negeri Johor pula, tahun 1959 merupakan suatu detik yang tidak dapat dilupakan oleh kaum wanita khususnya apabila terdapat seorang calon wanita tunggal yang berjaya mendapat tempat dalam Pilihan Raya Umum yang pertama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Beliau adalah Ibu Zain yang mewakili parti Perikatan (PER) atau kemudiannya dikenali dengan UMNO. Pihak lawannya iaitu Lee Ah Leng dari parti FS tewas dengan majoriti 3,821.

**Jadual 3.10: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	<i>Zain Sulaiman</i>	<i>Pontian Selatan</i>	<i>PER</i>	<i>9,469</i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya berikutnya iaitu pada tahun 1964, terdapat dua calon yang bertanding iaitu dari parti Perikatan, Fatimah Abd. Majid dan Khadijah Sidik dari parti PAS. Namun, hanya Fatimah Abd. Majid sahaja yang berjaya menduduki kerusi bagi kawasan Johor Bahru Timor. Beliau yang sebelum ini bertanding bagi kerusi DUN di Tanjong Petri dalam pilihan raya 1959, menang selesa dengan 12,600 undi yang diperolehi. Manakala Khadijah Sidik yang juga bertanding bagi kerusi DUN Plentong dalam masa yang sama gagal dalam merebut kerusi bagi kawasan Johor Timor apabila Dato' Dr. Ismail<sup>120</sup> yang bertanding atas tiket Perikatan menang selesa dengan majoriti 9,422 undi.

---

<sup>120</sup> Nama penuh beliau ialah Ismail bin Dato' Abdul Rahman. Tun Dr. Ismail mula dilantik sebagai Menteri Hasil Bumi pada 1953 hingga 1955. Antara jawatan lain ialah Menteri Perdagangan dan

**Jadual 3.11: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1964**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1964</i>	<b>Fatimah Abd. Majid Khadijah Sidik</b>	<b>Johor Bahru Timor Johor Timor</b>	<b>PER PAS</b>	<b>12,600 909</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1969 dan 1974, Fatimah Abd. Majid sekali lagi bertanding dalam pilihan raya dan bertanding bagi kawasan yang berlainan iaitu Batu Pahat Dalam (P94) bagi pilihan raya 1969 dan kawasan Semerah (P110) pada tahun 1974. Pilihan raya yang berikutnya iaitu pada tahun 1978, BN (pada waktu ini, parti Perikatan telah berubah kepada Barisan Nasional) telah mencalonkan Sharifah Dorah Mohammed menggantikan Fatimah Abd. Majid. Beliau dengan mudah meraih kemenangan dengan majoriti 18,662 apabila digandingkan dengan calon PAS, Mohamed Kassim.

**Jadual 3.12: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1969-1978**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1969</i>	<b>Fatimah Abd. Majid</b>	<b>Batu Pahat Dalam (P94)</b>	<b>PER</b>	<b>15,979</b>
<i>1974</i>	<b>Fatimah Abd. Majid</b>	<b>Semerah (P110)</b>	<b>BN</b>	<b>16,030</b>
<i>1978</i>	<b>Sharifah Dorah Mohammed</b>	<b>Semerah (P110)</b>	<b>BN</b>	<b>22,264</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

---

Perindustrian yang pertama (1956), Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (1959), Menteri Keselamatan Dalam Negeri (1960), Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (tiga bulan selepas itu) dan juga sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (1969). Selain itu, Tun Razak telah melantik beliau sebagai timbalannya di samping menyandang jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Beliau juga adalah orang yang mula-mula menganjurkan Dasar Berkecuali Asia Tenggara dan pernah memangku jawatan Perdana Menteri ketika Y.T.M Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak berada di luar negara. Beliau meninggal dunia pada 2 Ogos 1973 dalam usia 57 tahun dan disemadikan di Makam Pahlawan Negara di Masjid Negara atas kehendak Tun Abdul Razak. Beliau merupakan pemimpin pertama dikebumikan di makam tersebut. Sumber dipetik dari <http://sejarahmalaysia.pnm.my>.

Bagi tahun 1982 dan 1986, kepimpinan Sharifah Dorah ternyata manambat hati masyarakat setempat apabila beliau berjaya mengekalkan kedudukan bagi kawasan Semerah (P110) dan Parit Sulong (P121). Bagi kawasan Semerah, calon dari PAS iaitu Abdullah Rahmat tewas dengan majoriti 21,562 dan bagi kawasan Parit Sulong pula, Sharifah Dorah menang tanpa bertanding. Begitu juga dengan seorang lagi calon dari BN iaitu Zainabon @ Zainab Abu Bakar yang meraih kemenangan bagi kawasan Tebrau (P129). Tahun 1990 sekali lagi menyaksikan kemenangan beliau di kawasan yang sama. Manakala calon wanita dari parti S46 (Semangat 46), Sh. Rokiah Sh. Cantik gagal mendapatkan tempat di Batu Pahat (P125) apabila saingannya dari parti BN iaitu Daud Taha menang dengan majoriti 7,465.

**Jadual 3.13: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1982-1990**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1982</b></i>	<i><b>Sharifah Dorah Mohammed</b></i>	<i><b>Semerah (P110)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>25,596</b></i>
<i><b>1986</b></i>	<i><b>Sharifah Dorah Mohammed</b></i>	<i><b>Parit Sulong (P121)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>M/T.B</b></i>
<i><b>1990</b></i>	<i><b>Sh. Rokiah Sh. Cantik</b></i>	<i><b>Batu Pahat (P125)</b></i>	<i><b>S46</b></i>	<i><b>17,457</b></i>
	<i><b>Siti Zainab Abu Bakar</b></i>	<i><b>Tebrau (P129)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>34,883</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1995, terdapat dua calon yang mewakili parti S46 iaitu Kamelah Yahaya dan Zahrah Mohd Yusof dan seorang calon dari BN iaitu Zainabon @ Zainab Abu Bakar. Dua calon S46 ini gagal meraih tempat bagi kawasan masing-masing di Sri Gading (P134) dan Johor Baru (P141) apabila tewas di tangan calon BN iaitu Hamzah Ramli dan Mohamed Khalid Nordin. Manakala Zainab berjaya mengekalkan kedudukan

di kawasan Tebrau apabila menang dengan majoriti 34,118 dengan kekalahan calon PAS iaitu Ya'akob Mohd. Yusof serta Tan Tien Lim dari PBS (Parti Bersatu Sabah).

**Jadual 3.14: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1995**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1995</b></i>	<b>Kamelah Yahaya</b>	<b>Sri Gading (P134)</b>	<b>S46</b>	<b>5,003</b>
	<b>Zainabon @ Zainab</b>	<b>Tebrau (P140)</b>	<b>BN</b>	<b>44,670</b>
	<b>Abu Bakar</b>			
	<b>Zahrah Mohd Yusof</b>	<b>Johor Baru (P141)</b>	<b>S46</b>	<b>6,023</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Bagi Pilihan Raya Umum (PRU) 1999, BN hanya mencalonkan Robia Kosai yang mewakili Muar (P133). Walaupun pertama kali dipertandingkan, beliau menang apabila menewaskan Abdul Rahman Othman dari PKN. Bagi pilihan raya 2004, Azalina Othman Said, calon baru dari BN berjaya memenangi kerusi bagi kawasan Penggerang (P147). Pada tahun 2008, tiga calon BN yang dipertandingkan menang di kawasan masing-masing iaitu Noraini Ahmad di Parit Sulong (P147), Halimah Mohd Sadique bagi kerusi Tenggara (P155) serta Azalina Othman bagi kerusi Penggerang (P157). Manakala Zaleha Mustafa dari PKR (Parti Keadilan Rakyat) tewas di Gelang Patah (P162).

**Jadual 3.15: Calon wanita Muslim di Johor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1999-2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1999</b></i>	<b>Robia Kosai</b>	<b>Muar (P133)</b>	<b>BN</b>	<b>17,693</b>
<i><b>2004</b></i>	<b>Azalina Othman</b>	<b>Penggerang (P157)</b>	<b>BN</b>	<b>M/T.B</b>
<i><b>2008</b></i>	<b>Said</b>			

	<b>Noraini Ahmad</b>	<b>Parit Sulong (P147)</b>	<b>BN</b>	<b>26,066</b>
	<b>Halimah Mohd</b>	<b>Tenggara (P155)</b>	<b>BN</b>	<b>19,031</b>
	<b>Sadique</b>			
	<b>Azalina Othman</b>	<b>Penggerang (P157)</b>	<b>BN</b>	<b>M/T.B</b>
	<b>Zaleha Mustafa</b>	<b>Gelang Patah (P162)</b>	<b>PKR</b>	<b>24,779</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.2 Kedah

Kedah Darul Aman merupakan salah sebuah negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Negeri yang mempunyai keluasan 9426 km persegi ini terdiri daripada 12 buah daerah<sup>121</sup> dan bersempadan dengan negeri Perlis dan Thailand.

#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN bagi negeri Kedah terdiri daripada 36 kawasan, iaitu:


N1 Ayer Hangat	N14 Mengkudu	N27 Pantai Merdeka
N2 Kuah	N15 Anak Bukit	N28 Bakar Arang
N3 Kota Siputeh	N16 Kubang Rotan	N29 Sidam
N4 Ayer Hitam	N17 Pengkalan Kundor	N30 Bayu
N5 Bukit Kayu Hitam	N18 Tokai	N31 Kupang
N6 Jitra	N19 Sungai Tiang	N32 Kuala Ketil
N7 Kuala Nerang	N20 Sungai Limau	N33 Merbau Pulas
N8 Pedu	N21 Guar Chempedak	N34 Lunas
N9 Bukit Lada	N22 Gurun	N35 Kulim
N10 Bukit Pinang	N23 Belantek	N36 Bandar Baharu
N11 Derga	N24 Jeneri	
N12 Bakar Bata	N25 Bukit Selambau	
N13 Kota Darul Aman	N26 Tanjong Dawai	

#### PARLIMEN

Parlimen bagi negeri Johor pula terdiri daripada 15 kawasan, iaitu:

P004 Langkawi	P010 Kuala Kedah	P016 Baling
P005 Jerlun	P011 Pendang	P017 Padang Serai
P006 Kubang Pasu	P012 Jerai	P018 Kulim-Bandar Baharu
P007 Padang Terap	P013 Sik	
P008 Pokok Sena	P014 Sungai Petani	
P009 Alor Star	P015 Merbok	

<sup>121</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, <http://portal.kedah.gov.my>, 14 Mei 2012.



**Rajah 3.2: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Kedah**

### 3.2.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Kedah dari tahun 1959 hingga 2008

Berbicara mengenai politik, golongan wanita di Kedah tidak terkecuali dalam melibatkan diri seiring dengan golongan lelaki. Jika diperhatikan dalam pilihan raya 1959, calon wanita Muslim tunggal yang dipertandingkan bagi mewakili parti PER di negeri Kedah berjaya menguasai kawasan Sik Gurun (N13). Beliau yang dimaksudkan ialah Hamidah Omar dengan kekalahan dua calon dari parti PAS dan FS iaitu Yahaya Junid dan Azizan Johari. Pada tahun 1964, Hamidah Omar sekali lagi bertanding tetapi kali ini bersaing dengan Ahmad Hassan dari PAS bagi kawasan Pokok Sena (N6). Kemenangan masih lagi berpihak pada Hamidah Omar dengan majoriti 2,955 undi.

**Jadual 3.16: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1969**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	<b>Hamidah Omar</b>	<b>Sik Gurun (N13)</b>	<b>PER</b>	<b>5,352</b>
<i>1964</i>	<b>Hamidah Omar</b>	<b>Pokok Sena (N6)</b>	<b>PER</b>	<b>6,018</b>
	<b>Sharimah Mahamud</b>	<b>Sik Gurun (N13)</b>	<b>PER</b>	<b>7,178</b>
<i>1969</i>	<b>Hamidah Omar</b>	<b>Pokok Sena (N6)</b>	<b>PER</b>	<b>5,305</b>
	<b>Sharimah Mahamud</b>	<b>Sik-Gurun (N13)</b>	<b>PER</b>	<b>6,734</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Beliau tidak keseorangan sebaliknya seorang lagi calon wanita dari PER iaitu Sharimah Mahamud juga bertanding dan meraih kejayaan di kawasan Sik Gurun (N13) dengan kekalahan pihak lawan iaitu Sudin Wahab dengan majoriti 3,047 undi. Tahun 1969 merupakan musim pilihan raya yang terakhir bagi Hamidah Omar dan Sharimah Mahamud apabila mereka gagal mempertahankan kedudukan apabila masing-masing



tewas di tangan calon PAS iaitu Ahmad L. Senawi dengan majoriti hanya 345 undi dan Harum Jusoh dengan 327 undi.

Seterusnya pada tahun 1974, terdapat seorang calon tunggal dari PSRM (Parti Sosialis Rakyat Malaysia) iaitu Siti Nor Abdul Hamid yang bertanding bagi kawasan Pengkalan Kundor (N8). Namun beliau tewas dengan calon dari BN iaitu Ahmad Awang dengan majoriti 5,719. Begitu juga dengan tahun 1978 dan 1982, terdapat seorang calon tunggal yang bertanding bagi dua musim berturut-turut yang mewakili BN. Azizah L. Taib yang pertama kali dipertandingkan, menang tipis dengan majoriti 627 undi pada musim pertama dan 2,457 pada musim kedua dengan calon yang sama dari PAS iaitu Muhaudin Ahmad.

**Jadual 3.17: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 1974-1982**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1974</b></i>	<i><b>Siti Nor Abdul Hamid</b></i>	<i><b>Pengkalan Kundor (N8)</b></i>	<i><b>PSRM</b></i>	<i><b>2,596</b></i>
<i><b>1978</b></i>	<i><b>Azizah L.Taib</b></i>	<i><b>Kuala Nerang (N5)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>6,424</b></i>
<i><b>1982</b></i>	<i><b>Azizah L.Taib</b></i>	<i><b>Kuala Nerang (N5)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>8,855</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Begitu juga dalam pilihan raya tahun 1986 dan 1990, BN memperkenalkan dua calon baru dari BN iaitu Fatimah Ismail yang mewakili kawasan Ayer Putih (N14) dan Rokiah Hashim untuk kawasan Tanjung Dawai (N18). Masing-masing menang selesa untuk dua musim berturut-turut apabila saingan dari PAS dan S46 tumpas dengan mudah. Seterusnya pada tahun 1995, Fatimah Ismail masih lagi bertanding namun di kawasan yang berlainan iaitu Sungai Tiang (N19). Beliau kekal dengan kemenangan berikutan pihak lawan iaitu Abdullah Abdul Rahman @ Abdul Rahim Abdul Rahman

dari PAS tewas dengan memperoleh 7,409 undi berbanding Fatimah sebanyak 11,168 undi.

Di samping itu, dua calon baru turut bertanding yang mewakili BN iaitu Barishah @ Habshah Saad dan Che Pora Omar. Masing-masing ditugaskan bagi merebut kawasan Tunjang (N5) dan Merbau Pulas (N33). Ternyata amanah tersebut dilaksanakan dengan cemerlang apabila masing-masing berjaya menewaskan seteru dari PAS dengan majoriti 7,244 dan 7,703 undi.

**Jadual 3.18: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 1986-1995**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1986</i>	<b>Fatimah Ismail</b>	<b>Ayer Putih (N14)</b>	<b>BN</b>	<b>8,730</b>
	<b>Rokiah Hashim</b>	<b>Tanjung Dawai (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>10,321</b>
<i>1990</i>	<b>Fatimah Ismail</b>	<b>Ayer Putih (N14)</b>	<b>BN</b>	<b>9,791</b>
	<b>Rokiah Hashim</b>	<b>Tanjung Dawai (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>14,399</b>
<i>1995</i>	<b>Barishah @ Habshah Saad</b>	<b>Tunjang (N5)</b>	<b>BN</b>	<b>11,610</b>
	<b>Fatimah Ismail</b>	<b>Sungai Tiang (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>11,168</b>
	<b>Che Pora Omar</b>	<b>Merbau Pulas (N33)</b>	<b>BN</b>	<b>10,906</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Tahun 1999 menyaksikan empat pencalonan dan masing-masing mewakili BN iaitu Barishah Saad yang bertanding di kawasan yang sama sebelum ini (Tunjang), Siti Meriam Salleh (Belantek N22), Rosnah (Tanjong Dawai N26) serta Marlia Abd. Latiff (Merbau Pulas N33). Pertarungan menjadi makin sengit apabila kesemua calon sedaya upaya menumpaskan pihak lawan dari PAS dan akhirnya hanya seorang sahaja yang tewas iaitu Siti Meriam dengan undian 6,031 berbanding Mohd. Isa Shafie iaitu sebanyak 6,556 undi.

**Jadual 3.19: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 1999**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>1999</b>	<b>Barishah Saad</b>	<b>Tunjang (N5)</b>	<b>BN</b>	<b>10,734</b>
	<b>Siti Meriam Salleh</b>	<b>Belantek (N22)</b>	<b>BN</b>	<b>6,031</b>
	<b>Rosnah Abdul Majid</b>	<b>Tanjong Dawai (N26)</b>	<b>BN</b>	<b>8,285</b>
	<b>Marlia Abd. Latiff</b>	<b>Merbau Pulas (N33)</b>	<b>BN</b>	<b>9,718</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya tahun 2004 telah memperlihatkan lima calon wanita Muslim iaitu dua dari BN dan tiga mewakili PAS. Kedua-dua calon-calon dari BN iaitu Khalidah Adibah Ayob dan Suraya Yaacob berjaya mendominasi kawasan masing-masing iaitu Bukit Kayu Hitam (N5) dan Sungai Tiang (N19). Walaubagaimanapun, kesemua calon PAS iaitu Rohani Abdul Mutalib (Jitra N6), Rohani Bakar (Derga N11) dan Siti Aishah Ghazali yang pertama kali dipertandingkan gagal menguasai kawasan masing-masing.

**Jadual 3.20: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2004</b>	<b>Khalidah Adibah Ayob</b>	<b>Bkt. Kayu Hitam (N5)</b>	<b>BN</b>	<b>12,945</b>
	<b>Rohani Abdul Mutalib</b>	<b>Jitra (N6)</b>	<b>PAS</b>	<b>7,541</b>
	<b>Rohani Bakar</b>	<b>Derga (N11)</b>	<b>PAS</b>	<b>4,665</b>
	<b>Suraya Yaacob</b>	<b>Sungai Tiang (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>13,948</b>
	<b>Siti Aishah Ghazali</b>	<b>Merbau Pulas (N33)</b>	<b>PAS</b>	<b>6,410</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Sementara itu, pilihan raya ke-12 2008 menyajikan pencalonan sebanyak lima orang yang mewakili BN, PAS dan PKR. Kesemua calon pernah bertanding dalam pilihan raya musim lepas seperti Rohani Abdul Mutalib (Jitra), Rohani Bakar (Bakar

Bata N12), Suraya Yaacob (Sungai Tiang) dan Aishah Ghazali (Merbau Pulas). Manakala Fatimah Ismail pula pernah bertanding dalam pilihan raya 1986, 1990 dan 1995. Namun hanya dua calon sahaja yang berjaya pada musim ini iaitu Suraya Yaacob dari parti BN dan Aishah Ghazali yang mewakili PAS dengan majoriti 3,006 dan 3,576 undi. Berikut merupakan jadual senarai pencalonan wanita Islam di negeri Kedah bagi kerusi DUN.

### 3.21: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi DUN pada tahun 2008

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2008</b>	<b>Rohani Abdul Mutalib</b>	<b>Jitra (N6)</b>	<b>PAS</b>	<b>9,807</b>
	<b>Rohani Bakar</b>	<b>Bakar Bata (N12)</b>	<b>PKR</b>	<b>7,874</b>
	<b>Fatimah Ismail</b>	<b>Tokai (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>9,693</b>
	<b>Suraya Yaacob</b>	<b>Sungai Tiang (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>13,871</b>
	<b>Aishah Ghazali</b>	<b>Merbau Pulas (N33)</b>	<b>PAS</b>	<b>12,224</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.2.2. Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Kedah dari tahun 1959 hingga 2008

Pencalonan wanita Muslim bagi kawasan Parlimen di negeri Kedah pula menyaksikan Fatimah Hashim, wanita pertama mewakili parti PER di Jitra Padang Terap. Beliau bertanding dengan calon dari PAS iaitu Husin Salleh dengan memperolehi undi sebanyak 10,981 undi. Apabila pilihan raya berikutnya diadakan pada tahun 1964, Fatimah Hashim sekali lagi dicalonkan bagi kawasan yang sama. Ternyata kemenangan masih berpihak kepada beliau dengan majoriti 9,730 undi setelah calon PAS, L. Isa Mahamad gagal mempertahankan tempat sendiri.

### 3.22: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-1964

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	<i><b>Fatimah Hashim</b></i>	<i><b>Jitra Padang Terap</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>10,981</b></i>
<i><b>1964</b></i>	<i><b>Fatimah Hashim</b></i>	<i><b>Jitra Padang Terap</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>15,835</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1969, berlaku persaingan sengit di antara dua calon wanita iaitu Fatimah Hashim di kawasan yang sama (P3 Jitra Padang Terap) dengan calon wanita tunggal dari parti PAS yang pertama di negeri Kedah iaitu Salmah Sheikh Hussain. Nasib menyebelahi Fatimah Hashim apabila kemenangan berada di pihak beliau dengan majoriti 3,550 undi. Selain itu, calon baru parti PER iaitu Bibi Aishah Hamid Don berjaya dengan cemerlang di Kulim Utara (P13) apabila menewaskan Md. Zahari Shaaridari PAS dengan majoriti 6,339 undi.

### 3.23: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi Parlimen pada tahun 1969

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1969</b></i>	<i><b>Fatimah Hashim</b></i>	<i><b>Jitra-Padang Terap (P3)</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>15,145</b></i>
	<i><b>Salmah Sheikh Hussain</b></i>	<i><b>Jitra-Padang Terap (P3)</b></i>	<i><b>PAS</b></i>	<i><b>11,595</b></i>
	<i><b>Bibi Aishah Hamid Don</b></i>	<i><b>Kulim Utara (P13)</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>12,131</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya tahun 1974, calon baru BN iaitu Wan Zainab M.A. Bakar berjaya menguasai kawasan di Sungai Petani (P13) mengalahkan calon KITA (Kesatuan Insaf Tanah Air) dengan majoriti 18,250 undi iaitu Osman Abu Bakar. Beliau juga dipertandingkan untuk dua musim pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1978 dan 1982. Ternyata sokongan rakyat tidak berbelah bagi apabila beliau berjaya mengekalkan

kedudukan di kawasan yang sama pada tahun 1978 dengan memperoleh 24,422 undi dan 24,554 undi pada tahun 1982.

### 3.24: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi Parlimen pada tahun 1974-1982

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1974</i>	<b>Wan Zainab M.A.Bakar</b>	<b>Sungai Petani (P13)</b>	<b>BN</b>	<b>22,266</b>
<i>1978</i>	<b>Wan Zainab M.A.Bakar</b>	<b>Sungai Petani (P13)</b>	<b>BN</b>	<b>24,422</b>
<i>1982</i>	<b>Wan Zainab M.A.Bakar</b>	<b>Sungai Petani (P13)</b>	<b>BN</b>	<b>24,554</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1986 dan 1990, tiada pencalonan wanita Muslim direkodkan. Walaubagaimanapun, dalam pilihan raya 1995, dua calon dari parti S46 iaitu Tunku Sofiah Tunku Md. Jewa bagi kawasan Alor Star (P9) dan Maheran Muktar di Merbok (P14) dipertandingkan. Kedua-duanya gagal apabila pihak lawan dari BN berjaya merampas kedudukan dengan majoriti 17,665 dan 22,201 undi. Manakala dalam pilihan raya tahun 1999 dan 2008, sekali lagi tiada pencalonan wanita Islam dipertandingkan.

### Jadual 3.25: Calon wanita Muslim di Kedah bagi kerusi Parlimen pada tahun 1986-2008

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1986</i>	-		-	-
<i>1990</i>	-		-	-
<i>1995</i>	<b>Tunku Sofiah Tunku Md. Jewa</b>	<b>Alor Star (P9)</b>	<b>S46</b>	<b>11,278</b>
	<b>Maheran Muktar</b>	<b>Merbok (P14)</b>	<b>S46</b>	<b>8,924</b>
<i>1999</i>	-		-	-
<i>2004</i>	<b>Siti Nor Abdul Hamid</b>	<b>Alor Star (P9)</b>	<b>PAS</b>	<b>28,379</b>

<b>2008</b>	<b>Mashitah Ibrahim</b> -	<b>Baling (P16)</b> -	<b>BN</b> -	<b>32,661</b> -
-------------	------------------------------	--------------------------	----------------	--------------------

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Namun pada tahun 2004 hanya dua calon yang bertanding iaitu Siti Nor Abdul Hamid dari PKN (P9 Alor Star) dan Mashitah Ibrahim dari BN di Baling (P16). Dengan mempunyai latar belakang yang menarik, kedua-dua calon ini berjaya mendapat undian tertinggi mengalahkan pihak lawan iaitu Chor Chee Heung dari BN dengan 14,515 undi (seteru Siti Nor Abdul Hamid) dan Taib Azamuddin Mohd. Taib dari PAS dengan 4,229 undi.

### **3.3 Kelantan**

Seterusnya, salah sebuah negeri yang terletak di timur laut Semenanjung Malaysia ialah Kelantan Darul Naim. Negeri ini terkenal dengan permainan wayang kulit dan persembahan dikir barat. Di samping itu, negeri Kelantan lebih dikenali berbanding negeri-negeri lain kerana hal ehwal politiknya. Ini kerana, sememangnya diketahui bahawa Kelantan adalah 'kawasan' yang masih lagi dipertahankan oleh parti PAS sejak dahulu lagi. Di samping itu, isu wanita Muslim yang terlibat dalam politik di negeri ini masih berada dalam situasi yang berbeza berbanding negeri lain kerana bilangan wanita Muslim yang dicalonkan dalam pilihan raya umum berada dalam kuantiti yang sedikit terutamanya bagi kawasan Parlimen.

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DUN bagi negeri Kelantan mempunyai 45 kawasan


N2 Kelaboran	N17 Salor	N32 Gaal
N3 Pasir Pekan	N18 Pasir Tumboh	N33 Pulau Chondong
N4 Wakaf Baru	N19 Demit	N34 Temangan
N5 Kijang	N20 Tawang	N35 Kemuning
N6 Chempaka	N21 Perupok	N36 Bukit Bunga
N7 Panchor	N22 Jelawat	N37 Air Lanas
N8 Tanjong Mas	N23 Melor	N38 Kuala Balah
N9 Kota Lama	N24 Kadok	N39 Mengekebang
N10 Bunut Payong	N25 Kok Lanas	N40 Guchil
N11 Tendong	N26 Bukit Panau	N41 Manek Urai
N12 Pengkalan Pasir	N27 Gual Ipoh	N42 Dabong
N13 Chetok	N28 Kemahang	N43 Nenggiri
N14 Meranti	N29 Selising	N44 Paloh
N15 Gual Periok	N30 Limbongan	N45 Galas
N16 Bukit Tuku	N31 Semerak	

## **PARLIMEN**

Manakala parlimen bagi negeri Kelantan mempunyai 14 kawasan

P019 Tumpat	P024 Kubang Kerian	P029 Machang
P020 Pengkalan Chepa	P025 Bachok	P030 Jeli
P021 Kota Bharu	P026 Ketereh	P031 Kuala Krai
P022 Pasir Mas	P027 Tanah Merah	P032 Gua Musang
P023 Rantau Panjang	P028 Pasir Puteh	





Rajah 3.3: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Kelantan

### 3.3.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Kelantan dari tahun 1959 hingga 2008

Pada pilihan raya umum 1959, parti Perikatan mencalonkan dua wanita iaitu Halimah Idris bagi kawasan Kota Bharu Utara (N5) dan Wan Isma' Ab. Kadir di Pasir Puteh Utara (N22). Sementara itu, calon tunggal PN (Parti Negara) iaitu Hasnah Ja'far diamanahkan di kawasan Bandar Hulu (N11). Namun, kesemua calon wanita ditewaskan oleh calon PAS yang didominasi golongan lelaki. Berikutan itu dalam pilihan raya 1964, tiada pencalonan dari kaum wanita.

**Jadual 3.26: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1964**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	<b>Halimah Idris</b> <b>Hasnah Ja'afar</b> <b>Wan Isma' Ab.</b> <b>Kadir</b>	<b>Kota Bharu Utara (N5)</b> <b>Bandar Hulu (N11)</b> <b>Pasir Puteh Utara (N22)</b>	<b>PER</b> <b>PN</b> <b>PER</b>	<b>1,061</b> <b>204</b> <b>1,274</b>
<i>1964</i>	-	-	-	-

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Namun pada tahun 1969, parti PER mencalonkan pula dua muka baru di Kuala Kelantan (N4) iaitu Tg. Noor Asiah Tg. Ahmed bersama dengan Wan Aminah Mohd. Mohd. Botok di Kota Bharu Selatan (N18). Kedua-dua calon akhirnya ditewaskan oleh pihak lawan dari PAS dengan majoriti 11 undi dan 936 undi. Zainun Ismail dari parti BEBAS juga mengalami nasib yang sama apabila calon PAS mengungguli kedudukan bagi kawasan Bachok Selatan (N15).

**Jadual 3.27: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1969**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1969</i>	<b>Tg.Noor Asiah Tg. Ahmed</b>	<b>Kuala Kelantan (N4)</b>	<b>PER</b>	<b>3,097</b>
	<b>Zainun Ismail</b>	<b>Bachok Selatan (N15)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>135</b>
	<b>Wan Aminah Mohd Botok</b>	<b>Kota Bharu Selatan (N18)</b>	<b>PER</b>	<b>3,976</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya 1974 pula menyaksikan hanya seorang calon wanita yang mewakili parti BEBAS. Beliau yang dimaksudkan adalah Mahmuzah Ismail Ali yang bertanding bagi kawasan Guchil (N32) dan beliau juga tewas di tangan calon BN, Mohammad Awang dengan 2,172 undi. Pencalonan wanita sekali lagi dikosongkan dalam pilihan raya 1978. Walaubagaimanapun, tahun 1982 kembali dengan calon lama dari BN iaitu Tengku Noor Asiah Tengku Ahmed yang mewakili kawasan Sungai Pinang (N2). Beliau yang berhadapan dengan pihak lawan dari PAS akhirnya berjaya menguasai kawasan dengan majoriti 483 undi.

**Jadual 3.28: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1974-1982**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1974</i>	<b>Mahmuzah Ismail Ali</b>	<b>Guchil (N32)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>681</b>
<i>1978</i>	-	-	-	-
<i>1982</i>	<b>Tg. Noor Asiah Tengku Ahmed</b>	<b>Sungai Pinang (N2)</b>	<b>BN</b>	<b>4,932</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya dalam pilihan raya 1986, Hafsah Osman dan Siti Jeliha @ Zaleha Hussin dicalonkan bagi kawasan Semut Api (N4) dan Salor (N16) mewakili BN. Hafsah yang bersaing dengan Nik Ab. Aziz Nik Mat dari parti PAS mengalami kesukaran bagi mengekalkan kedudukan apabila beliau tewas dengan undian 4,094 berbanding Nik Ab. Aziz Nik Mat dengan 6,233 undi. Manakala Siti Jeliha @ Zaleha Hussin yang pertama kali dicalonkan berjaya memperolehi kemenangan apabila menewaskan Ibrahim Isa dari PAS dengan majoriti 933 undi.

**Jadual 3.29: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1986**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1986</b></i>	<b>Hafsah Osman</b> <b>Siti Jeliha @ Zaleha</b> <b>Hussin</b>	<b>Semut Api (N4)</b> <b>Salor (N16)</b>	<b>BN</b> <b>BN</b>	<b>4,094</b> <b>4,872</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 1990, Zaleha Hussin telah bertanding semula di kawasan yang sama (Salor) bersama-sama dengan seorang pendatang baru dari BN iaitu Wan Esah yang mewakili Selising (N25). Walaubagaimanapun, masing-masing gagal mempertahankan kedudukan selepas ditundukkan oleh pihak lawan dari parti S46 dan PAS dengan majoriti 3,290 dan 3,905 undi. Berbanding dengan calon dari S46 iaitu Kelthum Ahmed yang mewakili kawasan Temangan (N34), beliau menang selesa dengan majoriti 2,569 undi setelah pihak lawan dari BN iaitu Cikgu Leh tewas.

**Jadual 3.30: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1990**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1990</b></i>	<b>Zaleha Hussin</b>	<b>Salor (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>3,666</b>
	<b>Wan Esah</b>	<b>Selising (N25)</b>	<b>BN</b>	<b>2,950</b>
	<b>Kelthum Ahmed</b>	<b>Temangan (N34)</b>	<b>S46</b>	<b>5,608</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Selepas pilihan raya 1990, tahun 1995 masih lagi menyaksikan calon BN iaitu Siti Jeliha @ Zaleha Hussin dari BN di kawasan yang sama. Beliau mengalami kekalahan yang sama sebagaimana yang berlaku pada musim lepas. Bagi Ruhani Mamat, pendatang baru dari BN juga turut menerima nasib yang sama setelah tewas dengan majoriti 4,329 undi. Berlainan pula dengan calon dari S46 iaitu Mek Som Mohammed yang berjaya mempertahankan kedudukan di Mengkebang (N39) dengan mengalahkan Nik Sapela Nik Yusof dari BN dengan memperolehi 6,231 undi.

**Jadual 3.31: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1995**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1995</b></i>	<b>Ruhani Mamat</b>	<b>Kijang (N4)</b>	<b>BN</b>	<b>2,556</b>
	<b>Siti Jeliha @ Zaleha Hussin</b>	<b>Salor (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>4,197</b>
	<b>Mek Som Mohamed</b>	<b>Mengkebang (N39)</b>	<b>S46</b>	<b>6,231</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1999 hanya merekodkan seorang calon tunggal dari BN yang dipertandingkan bagi kawasan Mengkebang (N39). Kelthum Mohamed bagaimanapun tewas dengan calon PAS, Ibrahim Mahmood dengan majoriti 1,703 undi. Dalam pilihan raya 2004 pula, Rohani Ibrahim calon pertama yang

dipertandingkan PAS di Kelantan bagi peingkat DUN berjaya merebut kerusi bagi kawasan Tanjong Mas (N8) dari seterusnya iaitu Che Mansor Adabi Che Hassan dari BN dengan majoriti 2,789 undi. Manakala Siti Jeliha @ Zaleha Hussin dari BN yang sebelum ini bertanding di kawasan yang sama gagal untuk tiga kali berturut-turut. Shuhainie Deraman dari BN juga mengalami kekalahan apabila calon PAS, Major (B) Md Anizam Ab. Rahmandua berjaya menguasai Kemahang (N28) dengan majoriti 765 undi.

**Jadual 3.32: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 1999-2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1999 2004</i>	<b>Kelthum Mohamed</b>	<b>Mengkebang (N39)</b>	<b>BN</b>	<b>4,754</b>
	<b>Rohani Ibrahim</b>	<b>Tanjong Mas (N8)</b>	<b>PAS</b>	<b>8,015</b>
	<b>Siti Jeliha @ Zaleha Hussin</b>	<b>Salor (N17)</b>	<b>BN</b>	<b>5,508</b>
	<b>Shuhainie Deraman</b>	<b>Kemahang (N28)</b>	<b>BN</b>	<b>3,345</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya ke-12 2008 menyaksikan empat pencalonan iaitu dua daripadanya mewakili BN dan selebihnya dari PAS. Calon dari PAS, Wan Ubidah Omar pula menang tanpa bertanding di kerusi DUN Kijang. Ini berikutan pihak lawannya didapati mufliis dan tidak layak bertanding. Menurut Pengarah SPR Kelantan, Rahim Mohamad Salleh berkata rekod mendapati Mustopha Ahmed sebelum ini didapati mufliis oleh Mara dan secara automatik gugur dari dipertandingkan. Namun Mustopha menafikan perkara ini atas alasan hutang yang wujud telah pun dilunaskan.<sup>122</sup>

Bagi kawasan Tanjong Mas (N8) pula telah berlaku persaingan sengit apabila dua calon wanita merebut kawasan yang sama. Rohani Ibrahim yang merupakan penyandang kerusi kawasan ini dalam pilihan raya musim lepas bersaing dengan

<sup>122</sup>The Star Online, laman sesawang [www.mstar.com](http://www.mstar.com), dicapai 22 Disember 2011.

Khazuni Osman dari BN. Namun kemenangan masih berpihak kepada Rohani selepas menewaskan Khazuni dengan majoriti 6,112 undi. Di samping itu, hasrat Rahimah Mohamad dari BN untuk menguasai Temangan (N34) tidak kesampaian apabila Mohamed Fadzli Hassan dari PAS menang dengan majoriti 1,239 undi.

**Jadual 3.33: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>2008</b></i>	<b>Wan Ubaidah Omar</b>	<b>Kijang (N5)</b>	<b>PAS</b>	<b>M/T.B</b>
	<b>Rohani Ibrahim</b>	<b>Tanjong Mas (N8)</b>	<b>PAS</b>	<b>11,095</b>
	<b>Khazuni Osman</b>	<b>Tanjong Mas (N8)</b>	<b>BN</b>	<b>4,983</b>
	<b>Rahimah Mohamad</b>	<b>Temangan (N34)</b>	<b>BN</b>	<b>5,881</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.3.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Kelantan dari tahun 1959 hingga 2008**

Bagi kawasan Parlimen pula, calon wanita Muslim tidak dipertandingkan pada permulaan pilihan raya umum 1959. Begitu juga dengan pilihan raya berikutnya pada tahun 1964, tiada pencalonan direkodkan. Pada tahun 1969, hanya seorang calon wanita bertanding bagi kawasan Kota Bharu Hulu (P20) iaitu Khadijah Mohd Sidek atas tiket BEBAS. Beliau yang sebelum ini bertanding di Johor Timor dan Plentong (N23) atas tiket PAS pada tahun 1964 bagaimanapun tewas setelah mendapat 235 undi berbanding calon PAS, Mohd. Asri Muda dengan 15,051 undi.

**Jadual 3.34: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-1969**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	-	-	-	-
<i>1964</i>	-	-	-	-
<i>1969</i>	<b>Khadijah Mohd Sidek</b>	<b>Kota Baru Hulu (P20)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>235</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 1974, dua calon dari BN iaitu Tengku Noorasiah Tengku Ahmed dan Zahara Awang menang bertanding dalam pilihan raya. Tengku Noorasiah yang pernah bertanding sebelum ini di Kuala Kelantan (N4) pada tahun 1969 menang dengan majoriti 9,574 undi dan Zahara pula yang mewakili kawasan Kuala Kerai (P26) menumpaskan Wan Ismail Wan Ahmad dari BEBAS dengan kekalahan 7,530 undi. Manakala Eshah Abdullah dari BEBAS gagal merebut tempat di Nilam Puri (P22)

**Jadual 3.35: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi Parlimen pada tahun 1974**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1974</i>	<b>Tengku Noorasiah</b>	<b>Tumpat (P16)</b>	<b>BN</b>	<b>16,494</b>
	<b>Tengku Ahmed</b>			
	<b>Eshah Abdullah</b>	<b>Nilam Puri (P22)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>4,409</b>
	<b>Zahara Awang</b>	<b>Kuala Kerai (P26)</b>	<b>BN</b>	<b>10,206</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1978, hanya seorang calon tunggal dipertandingkan iaitu Tengku Noorasiah. Beliau sekali lagi bersaing di kawasan yang sama (Tumpat) dan ternyata kemenangan masih lagi milik beliau dengan majoriti 4,254 undi. Tetapi dalam dua



musim pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1982 hingga 1986 tiada pencalonan wanita Muslim. Adapun, bagi dua musim pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1990 dan 1995, apabila hanya seorang sahaja calon wanita yang dipertandingkan iaitu Ilani Isahak dari S46 yang bertanding di Kota Bharu (P19) dan menang dengan majoriti 15,460 dan 6,268 undi.

**Jadual 3.36: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi Parlimen pada tahun 1978**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1978</b></i>	<b>Tengku Noorasiah Tengku Ahmed</b>	<b>Tumpat (P16)</b>	<b>BN</b>	<b>14,460</b>
<i><b>1982</b></i>	-	-	-	-
<i><b>1986</b></i>	-	-	-	-
<i><b>1990</b></i>	<b>Ilani Isahak</b>	<b>Kota Baharu (P19)</b>	<b>S46</b>	<b>27,566</b>
<i><b>1995</b></i>	<b>Ilani Isahak</b>	<b>Kota Baru (P21)</b>	<b>S46</b>	<b>24,096</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Bagi pilihan raya 1999, Ilani Isahak sekali lagi bersaing di Kota Bharu. Namun kali ini beliau berada di bawah parti BN dan tewas dengan Ramli Ibrahim dari PKN dengan majoriti 10,206 undi. Seorang lagi calon baru BN iaitu Zaleha Hussin di Kubang Kerian (P24) juga mengalami keadaan yang sama apabila Husam Musa dari PAS berjaya mendapat undian tertinggi, 25,384 undi berbanding Zaleha iaitu 9,293 undi.

**Jadual 3.37: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi Parlimen pada tahun 1999**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1999</b></i>	<b>Ilani Isahak Zaleha Hussin</b>	<b>Kota Baru (P21) Kubang Kerian (P24)</b>	<b>BN BN</b>	<b>15,517 9,293</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya 2004, calon tunggal dari PAS, Kalthom Othman menang bertanding bagi kawasan Pasir Puteh (P28) dengan majoriti 3,810 undi. Beliau yang pertama kali dipertandingkan bagi kawasan ini berjaya menundukkan pasangannya dari BN iaitu Che Min Che Ahmad. Sementara itu, seorang lagi pendatang baru dari parti PAS juga yang pertama kali dicalonkan bagi kawasan Rantau Panjang (P23), berjaya mendapat kemenangan tanpa bersaing dengan mana-mana calon. Siti Zailah Mohd. Yusoff dicatatkan sebagai menang tanpa bertanding dalam pilihan raya 2008.

**Jadual 3.38: Calon wanita Muslim di Kelantan bagi kerusi Parlimen pada tahun 2004-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2004</b>	<b>Kalthom Othman</b>	<b>Pasir Puteh (P28)</b>	<b>PAS</b>	<b>27,018</b>
<b>2008</b>	<b>Siti Zailah Mohd. Yusoff</b>	<b>Rantau Panjang (P23)</b>	<b>PAS</b>	<b>M/T.B</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.4 Melaka**

Negeri Melaka atau juga dikenali dengan Bandar Bersejarah cukup terkenal dengan keunikan sejarahnya. Ini ditambah pula dengan pengiktirafan dari UNESCO pada 7 Julai 2008 yang menjadikan Melaka sebagai sebuah Bandaraya Warisan Dunia dan kini dikenali dengan “Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO”<sup>123</sup>. Di samping itu, negeri Melaka merupakan antara negeri terkecil di Semenanjung Malaysia selain dari Perlis, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang dengan hanya 1,664 km persegi

<sup>123</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, laman sesawang <http://www.melaka.gov.my>, dicapai 15 Mei 2012.

keluasannya <sup>124</sup>. Mengenai kawasan pilihan raya, sebanyak dan 6 kawasan untuk Parlimen.

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DUN bagi negeri Melaka terdapat 28 kawasan, iaitu:

N1 Kuala Linggi	N11 Sungai Udang	N21 Duyong
N2 Tanjung Bidara	N12 Pantai Kundor	N22 Bandar Hilir
N3 Ayer Limau	N13 Paya Rumpit	N23 Telok Mas
N4 Lendu	N14 Kelebang	N24 Bemban
N5 Taboh Naning	N15 Bachang	N25 Rim
N6 Rembia	N16 Ayer Keroh	N26 Serkam
N7 Gadek	N17 Bukit Baru	N27 Merlimau
N8 Machap	N18 Ayer Molek	N28 Sungai Rambai
N9 Durian Tunggal	N19 Kesidang	
N10 Asahan	N20 Kota Laksamana	

## **PARLIMEN**

Parlimen bagi negeri Melaka pula hanya terdapat 6 kawasan, iaitu:

P134 Masjid Tanah	P137 Bukit Katil
P135 Alor Gajah	P138 Kota Melaka
P136 Tangga Batu	P139 Jasin

---

<sup>124</sup> Wikipedia, laman sesawang <http://en.wikipedia.org/wiki/Malacca>, dicapai 15 Mei 2012.



**Rajah 3.4: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Melaka**

### 3.4.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Melaka dari tahun 1959 hingga 2008

Melaka merupakan antara negeri yang tidak memperlihatkan calon wanita Muslim dalam pilihan raya sehinggalah pada tahun 1974. Fatimah Ahmad yang mewakili BN, merupakan calon wanita pertama yang bertanding bagi kawasan Bukit Rambai (N15). Beliau dipertandingkan bersama dengan pihak lawannya dari DAP, Lim Yak Thye dan calon dari PSRM iaitu Muhammad Bakar. Ternyata sikap kepimpinan beliau berjaya meyakinkan rakyat apabila beliau meraih kemenangan dengan majoriti 1,279 undi.

**Jadual 3.39: Calon wanita Muslim di Melaka bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1974**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959-1969</i>	-	-	-	-
<i>1974</i>	<b>Fatimah Ahmad</b>	<b>Bukit Rambai (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>2,630</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1978, Fatimah Ahmad sekali lagi dicalonkan bagi kawasan yang sama. Kali ini beliau digandingkan dengan pihak lawan dari DAP, Ahmad Che Man dan Hasan Jantan dari parti PAS. Seperti yang dijangka, Fatimah Ahmad kekal mempertahankan kedudukan di tempat sendiri apabila menang dengan majoriti 2,107 undi. Berikutan itu, BN tetap memberi kepercayaan terhadap Fatimah Ahmad apabila beliau diamanahkan sekali lagi di kawasan yang sama (Bukit Rambai) pada tahun 1982. Sudah ditakdirkan, beliau telah menang tanpa bertanding dengan mana-mana calon dari parti lain. Selain itu, terdapat seorang calon yang mewakili BEBAS untuk pertama

kalinya. Rosnah Kamarudin yang mewakili Pringgit (N16) bagaimanapun dikalahkan oleh calon dari Bn iaitu Tee Cheng Yok @ Tee How apabila hanya memperolehi 369 undi sahaja.

**Jadual 3.40: Calon wanita Muslim di Melaka bagi kerusi DUN pada tahun 1978-1982**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1978</i>	<b>Fatimah Ahmad</b>	<b>Bukit Rambai (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>4,149</b>
<i>1982</i>	<b>Fatimah Ahmad</b> <b>Rosnah Kamarudin</b>	<b>Bukit Rambai (N15)</b> <b>Pringgit (N16)</b>	<b>BN</b> <b>BEBAS</b>	<b>M/T.B</b> <b>369</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Tahun 1986 hanya merekodkan dua pencalonan sahaja iaitu dari parti BN, Jenah Sarip yang mewakili Bukit Asahan (N8) dan calon lama iaitu Rosnah Kamarudin bagi kawasan Bandar Hilir (N16). Jenah berjaya dengan mudah apabila Abd. Rahim Mohd. dari parti PAS gagal menguasai kedudukan dengan tewas 3,538 undi. Manakala Rosnah Kamarudin yang bertanding dengan tiga calon lain dari parti DAP, BN dan PAS masih lagi tidak berpeluang mengekalkan kedudukannya setelah Gan Boon Leong dari BN berjaya dengan undian 7,870 undi berbanding beliau dengan 77 undi sahaja.

**Jadual 3.41: Calon wanita Muslim di Melaka bagi kerusi DUN pada tahun 1986**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1986</i>	<b>Jenah Sarip</b> <b>Rosnah Kamarudin</b>	<b>Bukit Asahan (N8)</b> <b>Bandar Hilir (N16)</b>	<b>BN</b> <b>BEBAS</b>	<b>4,777</b> <b>77</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pilihan raya ke-8 iaitu pada tahun 1990, Jenah Sarip masih lagi bertanding di kawasan yang sama (Bukit Asahan). Kali ini beliau menewaskan pula calon dari S46 iaitu Ismail Adam dengan majoriti 2,043 undi. Dalam pilihan raya 1995, hanya Hazizah Mohd. Sultan sahaja yang dipertandingkan. Wakil BN yang berentap di Tangga Batu (N11) ini mendapat undian tertinggi sebanyak 9,228 undi mengalahkan calon lain dari parti PAS (Jaliluddin Abd. Wahab) dan Abass Mohamed Noor dari S46. Zainon Jaafar dari PKN pula bersaing dengan Datuk R. Raghavan dari BN di Bukit Asahan. Namun, beliau terpaksa mengalah apabila ditewaskan oleh calon BN itu dengan majoriti 2,293 undi pada tahun 1999. Sebaliknya calon baru BN, Ramlah Abas selesa di Rim (N22) setelah menumpaskan Zulkefly Othman dari PKN dengan majoriti 1,966 undi.

**Jadual 3.42: Calon wanita Muslim di Melaka bagi kerusi DUN pada tahun 1990-1999**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1990</b></i>	<b>Jenah Sarip</b>	<b>Bukit Asahan (N8)</b>	<b>BN</b>	<b>4,388</b>
<i><b>1995</b></i>	<b>Hazizah Mohd. Sultan</b>	<b>Tangga batu (N11)</b>	<b>BN</b>	<b>9,228</b>
<i><b>1999</b></i>	<b>Zainon Jaafar</b>	<b>Bukit Asahan (N8)</b>	<b>PKN</b>	<b>3,265</b>
	<b>Ramlah Abas</b>	<b>Rim (N22)</b>	<b>BN</b>	<b>3,980</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 2004, Zainon Jaafar mencuba nasib sekali lagi tetapi di Ayer Limau (N3). Kali ini beliau ditewaskan pula oleh calon BN, Idderis Kassim dengan majoriti 4,018 undi. Walaubagaimanapun, Ramlah Abas sekali lagi meraih kemenangan dari calon PAS, Mohd. Aris Omar sebanyak 3,950 undi di Rim (N25). Dalam tahun 2008, calon BN dari Tabuh Naning (N5) dan Rembia (N6) iaitu Latipah

Omar dan Norpipah Abdol menang mudah dengan kekalahan Abdul Halim Said dari PAS dan Md. Yusof Abdullah dari PKR.

**Jadual 3.43: Calon wanita Muslim di Melaka bagi kerusi DUN pada tahun 2004-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2004</b>	<b>Zainon Jaafar</b>	<b>Ayer Limau (N3)</b>	<b>PKN</b>	<b>1,188</b>
	<b>Ramlah Abas</b>	<b>Rim (N25)</b>	<b>BN</b>	<b>5,405</b>
<b>2008</b>	<b>Latipah Omar</b>	<b>Tabuh Naning (N5)</b>	<b>BN</b>	<b>3,873</b>
	<b>Norpipah Abdol</b>	<b>Rembia (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>5,605</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.4.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Melaka dari tahun 1959 hingga 2008**

Bagi pencalonan Parlimen di negeri Melaka, hanya sekali sahaja calon wanita Muslim dipertandingkan iaitu pada 2008. Zainon Jaafar yang sebelum ini bertanding di DUN Bukit Asahan dan Ayer Limau pada tahun 1999 dan 2004, kembali bertarung semula tetapi kali ini di Tangga Batu (P136). Lawannya iaitu calon dari BN, Datuk Idris Haron walaubagaimanapun dapat menewaskannya dengan majoriti 14,500 undi.

**Jadual 3.44: Calon wanita Muslim di negeri Melaka bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>1959-2004</b>	-	-	-	-
<b>2008</b>	<b>Zainon Jaafar</b>	<b>Tangga Batu (P136)</b>	<b>PKR</b>	<b>15,960</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia



### 3.5 Negeri Sembilan

Seterusnya negeri yang terkenal dengan adat pepatih di Malaysia adalah Negeri Sembilan. Negeri Sembilan Darul Khusus ini merupakan 9 gabungan negeri yang kecil.<sup>125</sup> Selain itu, negeri ini terkenal dengan keunikan reka bentuk rumahnya yang mempunyai bumbung panjang dan lentik dengan kedua-dua hujung bumbungnya naik ke atas sedikit.<sup>126</sup>

#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN bagi Negeri Sembilan mempunyai 36 kawasan, iaitu:

N1 Chennah	N14 Ampangan	N27 Rantau
N2 Pertang	N15 Juasseh	N28 Kota
N3 Sungai Lui	N16 Seri Menanti	N29 Chuah
N4 Klawang	N17 Senaling	N30 Lukut
N5 Serting	N18 Pilah	N31 Bagan Pinang
N6 Palong	N19 Johol	N32 Linggi
N7 Jeram Padang	N20 Labu	N33 Port Dickson
N8 Bahau	N21 Bukit Kepayang	N34 Gemas
N9 Lenggeng	N22 Rahang	N35 Gemencheh
N10 Nilai	N23 Mambau	N36 Repah
N11 Lobak	N24 Senawang	
N12 Temiang	N25 Paroi	
N13 Sikamat	N26 Chembong	

#### PARLIMEN

Parlimen bagi Negeri Sembilan pula mempunyai 8 kawasan, iaitu:

P126 Jelebu	P129 Kuala Pilah	P132 Telok Kemang
P127 Jempol	P130 Rasah	P133 Tampin
P128 Seremban	P131 Rembau	

<sup>125</sup> Pusat Maklumat Rakyat, Jabatan Penerangan Malaysia, laman sesawang <http://pmr.penerangan.gov.my>, dicapai 15 Mei 2012.

<sup>126</sup> Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, laman sesawang <http://www.arkib.gov.my/rumah-melayu-negeri-sembilan1>, dicapai 15 Mei 2012.



**Rajah 3.5: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Sembilan**

### 3.5.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di Negeri Sembilan dari tahun 1959 hingga 2008

Keunikan Negeri Sembilan ini terserlah dengan penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya sejak dahulu sehinggalah kini. Pencalonan wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN dimulakan dengan dua orang calon dari parti Perikatan dan PAS yang bertemu di kawasan yang sama iaitu Terentang (N8) pada tahun 1959. Pertarungan menjadi sengit apabila Siti Rahmah Kassim (PER) dan Fatimah Bahari (PAS) bersaing dengan dua calon lain iaitu Alias Abd. Rahman dari PN dan Mohd. Noor Ahmad dari BEBAS. Akhirnya, kemenangan berpihak kepada Siti Rahmah Kassim dengan majoriti 522 undi.

**Jadual 3.45: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1959**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	<b>Siti Rahmah Kassim</b> <b>Fatimah Bahari</b>	<b>Terentang (N8)</b> <b>Terentang (N8)</b>	<b>PER</b> <b>PAS</b>	<b>1,617</b> <b>205</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam tahun 1964, penyandang kawasan Terentang sekali lagi berentap dengan tiga calon lain dari parti BEBAS iaitu Ahmad Fuad Yusof, Baba Ludek mewakili PDB (Parti Kemajuan Rakyat) serta Ab. Rahman Mohammad dari FS. Kelihatan Siti Rahmah Kassim berjaya sekali lagi dengan 718 undi. Seorang lagi calon Perikatan, Sapiah Talib yang dipertandingkan di Johol (N2) juga mengikut jejak Siti Rahmah apabila beliau berjaya menguasai pertarungan dengan majoriti 1,451 undi berikutan kekalahan empat

calon lain iaitu dari PDB (Anthony Lim Joo Hoa), PAS (H. Ondot Jimak), BEBAS (Harun Mulop) dan FS (Tan Fot Lan).

**Jadual 3.46: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1964**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1964</i>	<b>Sapiah Talib</b> <b>Siti Rahmah Kassim</b>	<b>Johol (N2)</b> <b>Terentang (N8)</b>	<b>PER</b> <b>PER</b>	<b>2,535</b> <b>1,710</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1969, hanya seorang sahaja calon wanita yang dipertandingkan. Beliau adalah Sapiah Talib yang menjadi penyandang kawasan Johol sebelum ini dicalonkan semula bagi kawasan yang sama. Beliau yang bersaing dengan seterunya dari PAS, Ismail Abdul Tahat @ Ismail Tahat berjaya mendapat kemenangan dengan majoriti 1,228 undi.

Pada tahun 1974, BN telah mencalonkan dua muka baru iaitu Khatimah Ibrahim dan Tungku Kelsom Tunku Muda Chik. Masing-masing yang bertanding di Pantai (N6) dan Pilah (N15) ternyata berjaya mendapat undian tertinggi berbanding calon lain iaitu sebanyak 3,082 dan 3,444 undi. Sehubungan dengan itu, masing-masing diamanahkan untuk bertanding sekali lagi di kawasan yang sama dalam pilihan raya 1978. Nasib menyebelahi mereka apabila kedua-duanya berjaya mempertahankan kedudukan sebagaimana musim lepas setelah calon-calon lain dari PAS dan DAP tewas. Berlainan pula dengan Sapiah Talib yang bertanding dalam pilihan raya 1964 dan 1969, beliau yang pada waktu ini bertanding atas tiket BEBAS gagal menyaingi calon BN, Hamzah Yatim yang berjaya menduduki undian tertinggi iaitu sebanyak 2,717 undi.

**Jadual 3.47: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1969-1978**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1969</i>	<b>Sapiah Talib</b>	<b>Johol (N2)</b>	<b>PER</b>	<b>2,800</b>
<i>1974</i>	<b>Khatimah Ibrahim</b>	<b>Pantai (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>3,082</b>
	<b>Tungku Kelsom</b>	<b>Pilah (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>3,444</b>
<i>1978</i>	<b>Tunku Muda Chik</b>			
	<b>Khatimah Ibrahim</b>	<b>Pantai (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>4,367</b>
	<b>Tungku Kelsom</b>	<b>Pilah (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>4,287</b>
	<b>Tunku Muda Chik</b>			
	<b>Sapiah Talib</b>	<b>Johol (N16)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>1,729</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1982, Khatimah Ibrahim yang bertanding dalam dua musim pilihan raya berturut-turut sebelum ini, dicalonkan semula di kawasan yang sama. Beliau bersaing dengan calon DAP, Raman s/o Krisna Nair dan meraih kemenangan dengan majoriti 3,309 undi. Begitu juga pada tahun 1986, beliau masih bertanding namun di kerusi DUN Ampangan (N18). Sekali lagi beliau berjaya menewaskan pihak lawan iaitu Mohamad Mangsor Keliwan @ Mansoor Keliwan dari PAS serta Abd. Malek Aman dari DAP dengan memperolehi 5,089 undi.

**Jadual 3.48: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1982-1986**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1982</i>	<b>Khatimah Ibrahim</b>	<b>Pantai (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>5,672</b>
<i>1986</i>	<b>Khatimah Ibrahim</b>	<b>Ampangan (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>5,089</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pencalonan wanita Muslim diteruskan lagi dengan penyertaan Dermataksiah Abdul Jalil di Ampangan (N18) pada tahun 1990. Beliau yang bertanding dengan calon S46 iaitu Harun Ayat berjaya menguasai kawasan itu menggantikan penyandang sebelum ini (Khatimah Ibrahim) setelah menang dengan majoriti 2,597 undi. Berikutan kejayaannya mengalahkan pihak lawan, beliau dicalonkan semula di kawasan yang sama (Ampangan N21) pada tahun 1995. Kini calon dari PAS pula tewas iaitu Ghazali Abdul Jalil dengan majoriti 7,535 undi. Selain beliau, pendatang baru dari BN, Napsiah Omar yang mewakili kawasan Pilah (N16) turut memperolehi kejayaan dengan kekalahan pihak lawan dari S46 iaitu Azizuddin Ishak.

**Jadual 3.49: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1990-1995**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1990</b></i>	<b>Dermataksiah Abdul Jalil</b>	<b>Ampangan (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>7,344</b>
<i><b>1995</b></i>	<b>Napsiah Omar</b>	<b>Pilah (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>5,727</b>
	<b>Dermataksiah Abdul Jalil</b>	<b>Ampangan (N21)</b>	<b>BN</b>	<b>9,561</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya Norhayati Omar yang pertama kali dicalonkan oleh BN dalam pilihan raya 1999, hampir tewas apabila menang tipis dengan 312 undi dengan calon dari PKN, Nordin Ismail. Walaubagaimanapun dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 2004, beliau mendapat kejayaan besar dengan majoriti 2,185 undi setelah Asmaon Basir dari PKN gagal mempertahankan Pilah (N18). Bibi Shariza Mohd Khalid yang merupakan calon BN juga turut menang di Paroi (N25) dengan majoriti 4,107 undi apabila Dr. Rosli Yaakob iaitu calon PAS, gagal.

**Jadual 3.50: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi DUN pada tahun 1999-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1999</i>	<b>Norhayati Omar</b>	<b>Pilah (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>3,758</b>
<i>2004</i>	<b>Norhayati Omar</b>	<b>Pilah (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>4,714</b>
	<b>Bibi Shariza</b>	<b>Paroi (N25)</b>	<b>BN</b>	<b>7,524</b>
<i>2008</i>	<b>Aisah Lamsah</b>	<b>Rantau (N27)</b>	<b>PKR</b>	<b>3,956</b>
	<b>Zainab Nasir</b>	<b>Gemas (N34)</b>	<b>BN</b>	<b>10,811</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Bagi tahun 2008 pula, calon PKR iaitu Aisah Lamsah yang bertanding di Rantau (N27) telah mengalami kekalahan setelah ditewaskan oleh Datuk Seri Mohamad Hassan dari BN dengan majoriti 3,783 undi. Walaubagaimanapun Zainab Nasir dari BN pula menerima kemenangan besar apabila seterunya dari PAS iaitu Mohd. Ali Maarof hanya mendapat 2,846 undi berbanding Zainab dengan 10, 811 undi.

### **3.5.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di Negeri Sembilan dari tahun 1959 hingga 2008**

Pencalonan wanita Muslim di Parlimen pula hanya bermula pada tahun 1982 apabila calon tunggal dari BN, Napsiah Omar bertanding di Kuala Pilah (P92) dengan calon dari PAS iaitu Othman Hamzah. Beliau memperolehi kemenangan besar dengan mendapat 19,206 undi berbanding dengan pihak lawannya mendapat 4,011 undi. Pada pilihan raya 1986, 1990 dan 1999, beliau bertanding di kawasan yang sama (Kuala Pilah P106) dan sekali lagi beliau meraih kejayaan. Walaubagaimanapun, beliau tidak bertanding dalam pilihan raya tahun 1995 kerana dicalonkan di DUN Pilah (N16). Setelah tiada pencalonan pada tahun 2004, Siti Meriam Naam dari PAS telah mencuba

nasib di Jempol (P127) dalam tahun 2008. Namun, beliau ditewaskan oleh Datuk Lilah Yassin dari BN dengan majoriti 12, 320 undi.

**Jadual 3.51: Calon wanita Muslim di Negeri Sembilan bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959-1978</i>	-	-	-	-
<i>1982</i>	<b>Napsiah Omar</b>	<b>Kuala Pilah (P92)</b>	<b>BN</b>	<b>19,206</b>
<i>1986</i>	<b>Napsiah Omar</b>	<b>Kuala Pilah (P106)</b>	<b>BN</b>	<b>19,400</b>
<i>1990</i>	<b>Napsiah Omar</b>	<b>Kuala Pilah (P106)</b>	<b>BN</b>	<b>19,444</b>
<i>1995</i>	-	-	-	-
<i>1999</i>	<b>Napsiah Omar</b>	<b>Kuala Pilah (P116)</b>	<b>BN</b>	<b>16,494</b>
<i>2004</i>	-	-	-	-
<i>2008</i>	<b>Siti Meriam Naam</b>	<b>Jempol (P127)</b>	<b>PAS</b>	<b>12,974</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.6 Pahang

Negeri Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Mengikut cerita orang-orang tua zaman dahulu, nama Pahang diambil bersempena dengan kewujudan sebatang pokok kayu mahang yang besar telah rebah melintang, menyeberangi Sungai Pahang.<sup>127</sup>

#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN bagi negeri Pahang mempunyai 42 kawasan, iaitu:

N1 Tanah Rata	N15 Tanjung Lumpur	N29 Jengka
N2 Jelai	N16 Inderapura	N30 Mentakab
N3 Padang Tengku	N17 Sungai Lembing	N31 Lanchang
N4 Cheka	N18 Lepar	N32 Kuala Semantan
N5 Benta	N19 Panching	N33 Bilut

<sup>127</sup> Portal Rasmi Negeri Pahang Darul Makmur, <http://www.pahang.gov.my>, 16 Mei 2012.



N6 Batu Talam  
N7 Tras  
N8 Dong  
N9 Tahan  
N10 Damak  
N11 Pulau Tahan  
N12 Beserah  
N13 Semambu  
N14 Teruntum

N20 Pulau Manis  
N21 Peramu Jaya  
N22 Bebar  
N23 Chini  
N24 Luit  
N25 Kuala Sentul  
N26 Chenor  
N27 Jenderak  
N28 Kerbau

N34 Ketari  
N35 Sabai  
N36 Pelangai  
N37 Guai  
N38 Triang  
N39 Kemayan  
N40 Bukit Ibam  
N41 Muadzam Shah  
N42 Tioman


## **PARLIMEN**

Manakala Parlimen pula terdapat 14 kawasan, iaitu:

P078 Cameron Highlands  
P079 Lipis  
P080 Raub  
P081 Jerantut  
P082 Indera Mahkota

P083 Kuantan  
P084 Paya Besar  
P085 Pekan  
P086 Maran  
P087 Kuala Krau

P088 Temerloh  
P089 Bentong  
P090 Bera  
P091 Rompin



**Rajah 3.6: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Pahang**

### **3.6.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Pahang dari tahun 1959 hingga 2008**

Menyusuri politik di negeri Pahang Darul Makmur ini, kelihatan golongan wanita Muslim melibatkan diri secara terbuka pada era 1950-an. Ini dapat dibuktikan apabila telah wujud pencalonan wanita Muslim dalam pilihan raya umum yang pertama di Malaysia pada tahun 1959. Beliau yang dimaksudkan adalah Mahimon Harun yang bertanding bagi kawasan Telok Sisek (N10). Beliau yang mewakili parti Perikatan bersaing dengan calon dari PAS iaitu Hamzah Dahaman berjaya menguasai kedudukan dengan menang majoriti 908 undi.

**Jadual 3.52: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 1959**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	<i><b>Mahimon Harun</b></i>	<i><b>Telok Sisek (N10)</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>1,673</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1964, Mahimon Harun sekali lagi dipertandingkan di kawasan yang sama beserta dengan calon dari PAS, Shaikh Abdullah Abu Bakar dan Mohd. Sham Awang dari parti FS. Kelihatannya beliau menang besar dengan majoriti 2,123 apabila menewaskan kedua-kedua calon lelaki itu. Manakala Meriam Mohamad yang bertanding melalui persendirian (BEBAS) pula dikalahkan oleh Syed Abdullah Syed Ali dari parti PER di Mentakab (N8). Ternyata semangat Mahimon Harun tidak pernah luntur apabila beliau bertanding buat kali ketiga di kawasan yang sama pada tahun 1969. Kali ini beliau bertemu dengan pencabar dari

BEBAS, Abdul Karim Hussin dan Bahaman Saleh dari PAS. Sememangnya kejayaan telah tertulis buatnya apabila meraih kemenangan dengan majoriti 533 undi.

**Jadual 3.53: Calon wanita Islam di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 1964-1969**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1964</b></i>	<b>Meriam Mohamad</b>	<b>Mentakab (N8)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>616</b>
	<b>Mahimon Harun</b>	<b>Telok Sisek (N10)</b>	<b>PER</b>	<b>2,728</b>
<i><b>1969</b></i>	<b>Mahimon Harun</b>	<b>Telok Sisek (N10)</b>	<b>PER</b>	<b>2,077</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1974, dua calon baru dari parti BN telah dipertandingkan di Jengka (N19) dan Bandar Pekan (N26) iaitu Sariah Kamiso dan Samsiah Abd. Hamid. Masing-masing berjaya mempertahankan kedudukan dengan menewaskan calon dari parti BEBAS. Dalam pilihan raya berikutnya iaitu 1978, Sariah Kamiso dan Samsiah Abd. Hamid sekali lagi dipertandingkan di kawasan yang sama. Ternyata kemenangan masih lagi berpihak kepada mereka apabila pihak lawan berjaya ditewaskan dengan majoriti 3,076 dan 964 undi.

**Jadual 3.54: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 1974-1978**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1974</b></i>	<b>Sariah Kamiso</b>	<b>Jengka (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>3,573</b>
	<b>Shamsiah Abd. Hamid</b>	<b>Bandar Pekan (N26)</b>	<b>BN</b>	<b>1,674</b>
<i><b>1978</b></i>	<b>Sariah Kamiso</b>	<b>Jengka (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>5,350</b>
	<b>Shamsiah Abd. Hamid</b>	<b>Bandar Pekan (N26)</b>	<b>BN</b>	<b>2,700</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pencalonan wanita diteruskan lagi dalam pilihan raya 1982 apabila calon baru dari BN iaitu Kamariah Mat Noh dan Latifah Abdul Ghaffar dipertandingkan di Tembeling (N7) dan Beserah (N11). Berikutan kemenangan Kamariah Mat Noh di Tembeling, beliau telah dicalonkan semula di kawasan yang sama pada tahun 1986 dan berjaya mengalahkan seterunya dari PAS. Sementara itu, Rahimah Mohammad Kawi dari BN juga berjaya mempertahankan kerusi Tembeling dalam pilihan raya 1990.

**Jadual 3.55: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 1982-1990**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1982</b></i>	<b>Kamariah Mat Noh</b>	<b>Tembeling (N7)</b>	<b>BN</b>	<b>2,321</b>
	<b>Latifah Abdul Ghaffar</b>	<b>Beserah (N11)</b>	<b>BN</b>	<b>5,950</b>
<i><b>1986</b></i>	<b>Kamariah Mat Noh</b>	<b>Tembeling (N10)</b>	<b>BN</b>	<b>4,355</b>
<i><b>1990</b></i>	<b>Rahmah Mohd Kawi</b>	<b>Tembeling (N10)</b>	<b>BN</b>	<b>4,365</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Rahimah Mohammad Kawi yang merupakan penyandang di Tembeling kini dicalonkan di Tahan (N9) bersama dengan Maznah Mazlan juga dari BN di Muadzam Shah (N37) dalam pilihan raya 1995. Kedua-dua calon ternyata menang selesa di tempat sendiri. Sementara itu, Maznah Mazlan dipertandingkan semula buat kali kedua dalam pilihan raya 1999 di kawasan yang sama dan beliau berjaya mempertahankan kedudukan dengan menang majoriti 2,306 undi. Pilihan raya tahun 2004 pula hanya memperlihatkan dua pencalonan iaitu pendaatang baru BN, Rosni Zahari di Kuala Sentul (Ulu Jempul N25) dan di gandingkan dengan Maznah Mazlan. Rosni Zahari berjaya menewaskan Ahmad Nizam Abd. Hamid dari PKN dan Maznah Mazlan pula mengekalkan kedudukan di tempat sendiri.

**Jadual 3.56: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 1995-2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1995</i>	<b>Rahimah Mohammad Kawi</b>	<b>Tahan (N9)</b>	<b>BN</b>	<b>3,612</b>
<i>1999</i>	<b>Maznah Mazlan</b>	<b>Muadzam Shah (N37)</b>	<b>BN</b>	<b>6,397</b>
	<b>Rosni Zahari</b>	<b>Hulu Jempul (N22)</b>	<b>BN</b>	<b>4,770</b>
<i>2004</i>	<b>Maznah Mazlan</b>	<b>Muadzam Shah (N37)</b>	<b>BN</b>	<b>5,200</b>
	<b>Rosni Zahari</b>	<b>Kuala Sentul (Ulu Jempul) N25</b>	<b>BN</b>	<b>5,463</b>
	<b>Maznah Mazlan</b>	<b>Muadzam Shah (N41)</b>	<b>BN</b>	<b>6,114</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya 2008, sebanyak empat pencalonan direkodkan. Dua calon dari PAS yang dipertandingkan di Tahan (N9) dan Luit (N24) iaitu Nuridah Mohd Salleh dan Azizah Khatib kecundang di tangan calon BN dengan majoriti 1,357 dan 1,068 undi. Berlainan pula dengan calon dari BN iaitu Shahaniza Shamsuddin dan Maznah Mazlan yang ditempatkan di Kuala Sentul dan Muadzam Shah berjaya mendapat undian tertinggi sebanyak 5,420 dan 6,681 undi.

**Jadual 3.57: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>2008</i>	<b>Nuridah Mohd Salleh</b>	<b>Tahan (N9)</b>	<b>PAS</b>	<b>3,755</b>
	<b>Azizah Khatib</b>	<b>Luit (N24)</b>	<b>PAS</b>	<b>3,008</b>
	<b>Shahaniza Shamsuddin</b>	<b>Kuala Sentul (N25)</b>	<b>BN</b>	<b>5,420</b>
	<b>Maznah Mazlan</b>	<b>Muadzam Shah (N41)</b>	<b>BN</b>	<b>6,681</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.6.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Pahang dari tahun 1959 hingga 2008

Dalam pada itu, senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen negeri Pahang ini didahului dengan calon dari BN iaitu Siti Zaharah Sulaiman. Beliau merupakan peserta yang membuka tirai dalam pilihan raya 1986. Ini bermakna selama enam musim pilihan raya tiada penyertaan wanita direkodkan iaitu dari tahun 1959 sehingga 1982. Beliau bukan sahaja mengambil bahagian dalam lima musim pilihan raya, malah beliau telah memenangi dalam kesemua pilihan raya tersebut iaitu dari tahun 1982 sehingga 2004.

Siti Zaharah Sulaiman telah mewakili kawasan Mentakab (P78) pada tahun 1986 dan 1990 serta kawasan dan Paya Besar (P79) pada tahun 1995 sehingga 2004. Antara pihak lawannya terdiri daripada Mohamed Rusdi Arif (PAS-1986), Johari Ismail (S46-1990), Wan Abdul Rahman Wan Yusoff (S46-1995), Wan Jusoh Wan Kolok (PKN-1999) dan Saari Dungu (PKN-2004).

**Jadual 3.58: Calon wanita Muslim di Pahang bagi kerusi Parlimen tahun 1959-1990**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959-1982</i>	-	-	-	-
<i>1986</i>	<b>Siti Zaharah Sulaiman</b>	<b>Mentakab (P78)</b>	<b>BN</b>	<b>15,271</b>
<i>1990</i>	<b>Siti Zaharah Sulaiman</b>	<b>Mentakab (P78)</b>	<b>BN</b>	<b>17,147</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Selain beliau, Fauziah Salleh dan Noorsiah Tuajib dari PKR dan S46 juga turut dicalonkan dalam pilihan raya. Masing-masing yang mewakili kerusi Parlimen Kuantan

(P83) iaitu dalam pilihan raya 1995 (Noorsiah) dan 1999 serta 2008 (Fauziah) bagaimanapun sukar mengekalkan kedudukan setelah tewas dalam pilihan raya 1995 dan 1999. Namun begitu, Fauziah akhirnya merasai detik kemenangan apabila berjaya menumpaskan pihak lawan dari BN, Datuk Fu Ah Kiow @ Oh (Fu) Soon Guan dengan majoriti 1,826 undi dalam pilihan raya ke-12, 2008.

**Jadual 3.59: Calon wanita Islam di Pahang bagi kerusi Parlimen tahun 1995-2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1995</b></i>	<b>Noorsiah Tuajib</b>	<b>Kuantan (P78)</b>	<b>S46</b>	<b>10,622</b>
	<b>Siti Zaharah Sulaiman</b>	<b>Paya Besar (P79)</b>	<b>BN</b>	<b>25,551</b>
<i><b>1999</b></i>	<b>Fauziah Salleh</b>	<b>Kuantan (P78)</b>	<b>PKN</b>	<b>21,136</b>
	<b>Siti Zaharah Sulaiman</b>	<b>Paya Besar (P79)</b>	<b>BN</b>	<b>20,749</b>
<i><b>2004</b></i>	<b>Fauziah Salleh</b>	<b>Kuantan (P83)</b>	<b>PKN</b>	<b>12,177</b>
	<b>Siti Zaharah Sulaiman</b>	<b>Paya Besar (P84)</b>	<b>BN</b>	<b>20,474</b>
<i><b>2008</b></i>	<b>Fuziah Salleh</b>	<b>Kuantan (P83)</b>	<b>PKR</b>	<b>18,398</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.7 Perak**

Penemuan bijih timah di Larut pada tahun 1848 oleh Long Jaafar telah menjadikan negeri Perak sebagai sebuah negeri yang berkembang pesat<sup>128</sup> sehinggalah kini. Di samping itu, pembuatan labu air juga cukup sinonim dengan negeri Perak dengan rekaannya yang begitu menarik.

<sup>128</sup> Portal Rasmi Negeri Perak, <http://www.perak.gov.my>, 16 Mei 2012.



## **DEWAN UNDANGAN NEGERI**


DUN bagi negeri Perak mempunyai 59 kawasan, iaitu:

N1 Pengkalan Hulu	N21 Lintang	N41 Keranji
N2 Temengor	N22 Jalong	N42 Tualang Sekah
N3 Kenering	N23 Manjoi	N43 Sungai Rapat
N4 Kota Tampan	N24 Hulu Kinta	N44 Simpang Pulai
N5 Selama	N25 Canning	N45 Teja
N6 Kubu Gajah	N26 Tebing Tinggi	N46 Chenderiang
N7 Batu Kurau	N27 Pasir Pinji	N47 Ayer Kuning
N8 Titi Serong	N28 Bercham	N48 Sungai Manik
N9 Kuala Kurau	N29 Kepayang	N49 Kampong Gajah
N10 Alor Pongsu	N30 Buntong	N50 Siti Awan
N11 Gunung Semanggol	N31 Jelapang	N51 Pasir Panjang
N12 Selinsing	N32 Minglembu	N52 Pangkor
N13 Kuala Sepetang	N33 Tronoh	N53 Rungkup
N14 Changkat Jering	N34 Bukit Chandan	N54 Pasir Melintang
N15 Trong	N35 Manong	N55 Pasir Bedamar
N16 Kamunting	N36 Pengkalan Baharu	N56 Changkat Jong
N17 Pokok Assam	N37 Pantai Remis	N57 Sungkai
N18 Aulong	N38 Belanja	N58 Slim
N19 Chenderoh	N39 Bota	N59 Behrang
N20 Lubok Merbau	N40 Malim Nawar	

## **PARLIMEN**

Manakala Parlimen bagi negeri perak pula terdapat 24 bagi kawasan, iaitu:

P054 Gerik	P062 Sungai Siput	P070 Kampar
P055 Lenggong	P063 Tambun	P071 Gopeng
P056 Larut	P064 Ipoh Timor	P072 Tapah
P057 Parit Buntar	P065 Ipoh Barat	P073 Pasir Salak
P058 Bagan Serai	P066 Batu Gajah	P074 Lumut
P059 Bukit Gantang	P067 Kuala Kangsar	P075 Bagan Datuk
P060 Taiping	P068 Beruas	P076 Telok Intan
P061 Padang Rengas	P069 Parit	P077 Tanjong Malim



**3.7: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Perak**

### 3.7.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Perak dari tahun 1959 hingga 2008

Selain itu, pembabitan wanita Muslim dalam hal ehwal politik di Perak pula tidak kurang hebatnya kerana pada tahun 1959, seramai tiga wanita diletakkan bagi kerusi DUN Parit Buntar (N5), Senggang (N13) dan Batak Rabit (N35) iaitu Halimah Abdul Raof, Saedah Mohd. Hashim dan Som Abdullah. Halimah dan Som yang masing-masing mewakili parti Perikatan menang tipis dengan majoriti 236 dan 584 undi. Manakala Saedah dari parti FS pula ditewaskan oleh calon dari parti PER iaitu Shaari Piai yang memperolehi undian tertinggi 5,169 undi.

**Jadual 3.60: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN pada tahun 1959**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	<i><b>Halimah Abdul Raof</b></i>	<i><b>Parit Buntar (N5)</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>3,744</b></i>
	<i><b>Saedah Mohd. Hashim</b></i>	<i><b>Senggang (N13)</b></i>	<i><b>FS</b></i>	<i><b>1,940</b></i>
	<i><b>Som Abdullah</b></i>	<i><b>Batak Rabit (N35)</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>2,495</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya, penyandang dari Parit Buntar dan Batak Rabit iaitu Halimah Abdul Raof dan Som Abdullah masih lagi bertanding di kawasan yang sama dalam pilihan raya 1964. Mereka kekal dua kali berturut-turut dengan kekalahan calon dari FS, PKR dan PAS. Walaubagaimanapun, Zaidah Hashim yang pertama kali dicalonkan dari FS gagal menguasai kawasan Senggang (N13). Berikutan mendapat kemenangan berganda, Halimah Abdul Raof sekali lagi dipertandingkan dengan Som Abdullah di kawasan yang sama pada tahun 1969. Halimah sahaja yang berjaya mengekalkan kedudukan

dengan menang tipis, 239 undi dan Som pula ditewaskan calon DAP, Felix Anthony dengan majoriti 619 undi.

**Jadual 3.61: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN tahun 1964-1969**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1964</b></i>	<b>Halimah Abdul Raof</b>	<b>Parit Buntar (N5)</b>	<b>PER</b>	<b>4,697</b>
	<b>Zaidah Hashim</b>	<b>Senggang (N13)</b>	<b>FS</b>	<b>2,055</b>
	<b>Som Abdullah</b>	<b>Batak Rabbit (N35)</b>	<b>PER</b>	<b>4,573</b>
<i><b>1969</b></i>	<b>Halimah Abdul Raof</b>	<b>Parit Buntar (N5)</b>	<b>PER</b>	<b>5,124</b>
	<b>Som Abdullah</b>	<b>Batak Rabbit (N35)</b>	<b>PER</b>	<b>3,784</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 1974, dua calon baru dari BN iaitu Munah Lebai Abd. Raffar dan Radziah Marahudin mencapai kemenangan walaupun dipertandingkan buat kali pertama di Chenderiang (N32) dan Hutan Melintang (N42). Masing-masing berjaya mengalahkan pihak lawan dari parti DAP dengan memperolehi 4,255 dan 5,849 undi. Sementara itu, Zaharah Ibrahim yang juga dicalonkan untuk julung kalinya di Kenering (N2) akur dengan kekalahan setelah ditewaskan oleh Tan Sri Mohamad Ghazali Jawi dari BN.

**Jadual 3.62: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN pada tahun 1974**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1974</b></i>	<b>Zaharah Ibrahim</b>	<b>Kenering (N2)</b>	<b>DAP</b>	<b>1,151</b>
	<b>Munah Lebai Abd. Raffar</b>	<b>Chenderiang (N32)</b>	<b>BN</b>	<b>4,255</b>
	<b>Radziah Marahudin</b>	<b>Hutan Melintang (N42)</b>	<b>BN</b>	<b>5,849</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Radziah Marahudin yang merupakan penyandang kerusi Hutan Melintang sekali lagi diamanahkan oleh BN untuk berentap buat kali kedua dalam tahun 1978. Tetapi pada kali ini, beliau digandingkan dengan seorang pendatang baru dari BN iaitu Rokiah Kayat yang mewakili kerusi Bota (N28). Ternyata kemenangan masih berpihak buat mereka berdua apabila menerima kemenangan besar di tempat masing-masing. Rentetan itu, masing-masing menggalas tanggungjawab dalam mempertahankan kawasan masing-masing di tempat yang sama dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1982 dan berjaya menumpaskan pihak lawan dengan mendapat 7,943 undi buat Rokiah dan 8,354 undi untuk Radziah.

**Jadual 3.63: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN tahun 1978-1982**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KA WASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1978</b></i>	<b>Rokiah Kayat</b>	<b>Bota (N28)</b>	<b>BN</b>	<b>5,577</b>
	<b>Radziah Marahuddin</b>	<b>Hutan Melintang (N42)</b>	<b>BN</b>	<b>6,769</b>
<i><b>1982</b></i>	<b>Rokiah Kayat</b>	<b>Bota (N28)</b>	<b>BN</b>	<b>7,943</b>
	<b>Radziah Marahudin</b>	<b>Hutan Melintang (N42)</b>	<b>BN</b>	<b>8,354</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Juara bertahan dari BN, Radziah Marahudin @ Nahwany berentap kembali di kawasan yang sama pada tahun 1986. Beliau beraksi bersama dengan rakan barunya iaitu Zainab Ibrahim yang mewakili kawasan Belanja (N29) dan masing-masing menewaskan pihak lawan dari PAS iaitu Abd. Aziz Abas dan Mohamah Nor Mansor dengan majoriti 4,317 dan 1,082 undi. Dalam tahun 1990, penyandang kerusi DUN Belanja iaitu Zainab Ibrahim menang sekali lagi dalam pilihan raya kali ini bersama dengan calon baru dari BN, Mazidah Zakaria yang mewakili Sungai Rokan (N18) berikutan kekalahan pihak lawan.

**Jadual 3.64: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN tahun 1986-1990**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1986</b></i>	<b>Zainab Ibrahim</b>	<b>Belanja (N29)</b>	<b>BN</b>	<b>5,950</b>
	<b>Radziah Marahudin</b>	<b>Hutan Melintang (N42)</b>	<b>BN</b>	<b>7,956</b>
<i><b>1990</b></i>	<b>Mazidah Zakaria</b>	<b>Sungai Rokam (N18)</b>	<b>BN</b>	<b>14,812</b>
	<b>Zainab Ibrahim</b>	<b>Belanja (N29)</b>	<b>BN</b>	<b>7,086</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Bagi pilihan raya berikutnya dalam tahun 1995, Mazidah Zakaria yang pernah bertanding sebelum ini dicalonkan semula tetapi di kawasan Hulu Kinta (N21) beserta dengan Khansiyah @ Khamsiyah Yeop juga dari BN yang ditugaskan di kawasan Kenering (N3). Masing-masing nampaknya berjaya mengenyahkan pihak lawan apabila mendapat kemenangan besar dengan memperolehi majoriti 12,769 dan 2,743 undi. Berbeza pula dengan calon S46, Che' Su Mat @ Che Su' Yusuf yang terpaksa menerima kekalahan di tempat sendiri dengan kemenangan Mohamad Wajdi Ishak dari BN bagi kerusi DUN Pangkor (N44).

**Jadual 3.65: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN pada tahun 1995**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1995</b></i>	<b>Khamsiyah Yeop</b>	<b>Kenering (N3)</b>	<b>BN</b>	<b>5,051</b>
	<b>Mazidah Zakaria</b>	<b>Hulu Kinta (N21)</b>	<b>BN</b>	<b>16,009</b>
	<b>Che' Su Yusuf</b>	<b>Pangkor (N44)</b>	<b>S46</b>	<b>2,250</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya dalam tahun 1999, penyandang kerusi DUN Hulu Kinta iaitu Mazidah Zakaria dicalonkan buat kali ketiga bersama dengan pendaftar baru dari BN,

Ainon Khariyah Mohd. Abas yang mewakili kawasan Kampong Gajah (N43). Nampaknya kedua-dua calon dari PAS ditumpaskan oleh dua calon wanita ini. Pada tahun 2004, juara bertahan kawasan Hulu Kinta iaitu Mazidah Zakaria telah dicalonkan buat kali keempat di kawasan yang sama dengan dua calon baru BN iaitu Siti Salma Mat Jusak dan Hamidah Osman yang mewakili Chenderoh (Lenggong) (N19) dan Sungai Rapat (N43). Ternyata kemenangan berpihak kepada mereka bertiga tetapi malangnya calon PKN, Salma Ismail dikalahkan pesaing dari BN, Datuk Mohd. Radzi Manan yang memperolehi majoriti 3,311 undi.

**Jadual 3.66: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN tahun 1999-2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1999</i>	<b>Mazidah Zakaria</b>	<b>Hulu Kinta (N21)</b>	<b>BN</b>	<b>12,174</b>
	<b>Ainon Khayirah Mohd. Abas</b>	<b>Kampong Gajah (N43)</b>	<b>BN</b>	<b>7,725</b>
<i>2004</i>	<b>Siti Salma Mat Jusak</b>	<b>Chenderoh (Lenggong) N19</b>	<b>BN</b>	<b>5,761</b>
	<b>Mazidah Zakaria</b>	<b>Hulu Kinta (N24)</b>	<b>BN</b>	<b>14,104</b>
	<b>Salma Ismail Hamidah Osman</b>	<b>Tualang Sekah (N42) Sungai Rapat (N43)</b>	<b>PKN BN</b>	<b>3,919 11,574</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Tahun 2008 pula menyaksikan lima pencalonan dari parti BN. Apa yang menarik kali ini, kesemua yang dipertandingkan berjaya mempertahankan kawasan masing-masing daripada pihak lawan. Mereka terdiri daripada dua calon lama iaitu Siti Salma Mat Jusak (Chenderoh N19) dan Hamidah Osman (Sungai Rapat N43) serta tiga pendatang baru iaitu Rosnah Kassim (Hulu Kinta N24), Nolee Ashilin Mohammed Radzi (Tualang Sekah N42) dan Wan Norashikin Wan Noordin (Kampong Gajah N49).

**Jadual 3.67: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2008</b>	<b>Siti Salma Mat Jusak</b>	<b>Chenderoh (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>4,858</b>
	<b>Rosnah Kassim</b>	<b>Hulu Kinta (N24)</b>	<b>BN</b>	<b>13,057</b>
	<b>Nolee Ashilin</b>	<b>Tualang Sekah (N42)</b>	<b>BN</b>	<b>6,366</b>
	<b>Mohammed Radzi</b>			
	<b>Hamidah Osman</b>	<b>Sungai Rapat (N43)</b>	<b>BN</b>	<b>10,635</b>
	<b>Wan Norashikin</b>	<b>Kampong Gajah (N49)</b>	<b>BN</b>	<b>8,818</b>
	<b>Wan Noordin</b>			

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.7.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Perak dari tahun 1959 hingga 2008

Pencalonan wanita Muslim hanya bermula pada tahun 1974 apabila Onn Zariah Abu Bakar dari BN dicalonkan bagi kawasan Kuala Kangsar (P52) dan bersaing dengan Kok Kean Fatt dari DAP dan Abd. Raffor Abd. Hamid dari PEKEMAS. Kemenangan pertama buat calon wanita apabila menewaskan pihak lawan dengan majoriti 5,237 undi. Seterusnya pada tahun 1978, Kuala Kangsar terus dikuasai oleh wanita apabila calon baru BN iaitu Yong Fatimah Md. Razali menang selesa di tempat sendiri.

**Jadual 3.68: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi Parlimen tahun 1959-1978**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>1959-1969</b>	-	-	-	-
<b>1974</b>	<b>Onn Zariah Abu Bakar</b>	<b>Kuala Kangsar (P52)</b>	<b>BN</b>	<b>9,063</b>
<b>1978</b>	<b>Yong Fatimah Md. Razali</b>	<b>Kuala Kangsar (P52)</b>	<b>BN</b>	<b>9,059</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004



Dalam pilihan raya tahun 1982, seorang calon baru BN iaitu Rafidah Ab. Aziz dipertandingkan di kawasan yang sama. Biarpun pertama kali beraksi dalam politik, calon PAS iaitu Othman Aris terpaksa akur dengan kehebatan Rafidah yang memenangi kerusi bagi Parlimen Kuala Kangsar. Sekali lagi beliau diberi kepercayaan untuk mempertahankan kawasan Kuala Kangsar dalam pilihan raya 1986 sehinggalah 2008. Selama enam musim berturut-turut, beliau sukar digugat oleh pesaing-pesaing seperti Abd. Aziz Ishak (PAS), Jamaluddin Mohd. Din (S46), Abdul Khalid Mohd. Nasir (S46), Asmuni Alwi (PAS), Mohammad Nizar Jamaluddin (PAS) dan Dr. Khairuddin Abdul Malik (PAS).

Selain itu, terdapat dua calon lain PAS iaitu Lo'Lo Mohamed Ghazali (Bukit Gantang P59) dan Najihatussalehah Ahmad (Parit P69) serta seorang dari BN iaitu Ainon Khariyah Mohd. Abas yang turut mencuba nasib di tempat sendiri. Kedua-dua calon PAS itu bagaimanapun gagal menguasai kedudukan berbanding dengan Ainon Khariyah (Parit P66) yang berjaya dengan cemerlang biarpun pertama kali dicalonkan.

**Jadual 3.69: Calon wanita Muslim di Perak bagi kerusi Parlimen tahun 1982-2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1982</b></i>	<b>Rafidah Ab. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P52)</b>	<b>BN</b>	<b>12,159</b>
<i><b>1986</b></i>	<b>Rafidah Ab. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P61)</b>	<b>BN</b>	<b>16,196</b>
<i><b>1990</b></i>	<b>Rafidah Ab. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P61)</b>	<b>BN</b>	<b>16,548</b>
<i><b>1995</b></i>	<b>Rafidah Abd. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P64)</b>	<b>BN</b>	<b>15,393</b>
	<b>Ainon Khariyah Mohd. Abas</b>	<b>Parit (P66)</b>	<b>BN</b>	<b>14,207</b>
<i><b>1999</b></i>	<b>Rafidah Abd. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P64)</b>	<b>BN</b>	<b>12,074</b>
<i><b>2004</b></i>	<b>Lo'Lo Mohamed Ghazali</b>	<b>Bukit Gantang (P59)</b>	<b>PAS</b>	<b>6,702</b>
	<b>Rafidah Abd. Aziz</b>	<b>Kuala Kangsar (P67)</b>	<b>BN</b>	<b>11,305</b>
<i><b>2008</b></i>	<b>Najihatussalehah Ahmad</b>	<b>Parit (P69)</b>	<b>PAS</b>	<b>9,526</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.8 Perlis**

Negeri yang terkecil di Malaysia iaitu Perlis Indera Kayangan terletak di utara Semenanjung Malaysia. Negeri yang bersempadan dengan Thailand ini mempunyai keluasan berukuran 793.33 km persegi.<sup>129</sup> Oleh yang demikian, negeri Perlis memiliki jumlah kawasan DUN dan Parlimen yang sedikit berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

#### **DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DUN negeri Perlis mempunyai 15 kawasan, iaitu:

N1 Titi Tinggi	N6 Bintang	N11 Pauh
N2 Beseri	N7 Sena	N12 Tambun Tulang
N3 Chuping	N8 Indera Kayangan	N13 Guar Sanji
N4 Mata Ayer	N9 Kuala Perlis	N14 Simpang Empat
N5 Santan	N10 Kayang	N15 Sanglang


#### **PARLIMEN**

Manakala Parlimen bagi negeri Perlis mempunyai 3 kawasan, iaitu:

P001 Padang Besar  
P002 Kangar  
P003 Arau

---

<sup>129</sup> Portal Kerajaan Negeri Perlis, laman sesawang <http://www.perlis.gov.my>, dicapai 16 Mei 2012.



3.8: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Perlis

### 3.8.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Perlis dari tahun 1959 hingga 2008

Penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya umum di Perlis hanya bermula pada tahun 1964. Calon tunggal dari PAS iaitu Hatun Othman telah direkodkan mewakili kawasan Paya (N2) dan beliau kecundang di tangan calon PER, Che Yook @ Che Yob Che Choh. Sekali lagi tiada senarai pencalonan wanita Muslim yang dicatatkan dalam pilihan raya 1969, namun hanya Aishah Salleh dari PSRM yang bertanding keseorangan dalam pilihan raya 1974. Beliau yang mewakili Kurong Anai (N11) gagal mempertahankan kedudukan setelah tewas dengan pesaing dari BN, Wan Ahmad Wan Abdullah.

**Jadual 3.70: Calon wanita Muslim di Perlis bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1974**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	-	-	-	-
<i><b>1964</b></i>	<b>Hatun Othman</b>	<b>Paya (N2)</b>	<b>PAS</b>	<b>1,318</b>
<i><b>1969</b></i>	-	-	-	-
<i><b>1974</b></i>	<b>Aishah Salleh</b>	<b>Kurong Anai (N11)</b>	<b>PSRM</b>	<b>1,451</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya, negeri Perlis kembali sepi tanpa pencalonan wanita selama empat musim berturut-turut iaitu dari tahun 1978 sehingga 1990. Tetapi dalam tahun 1995, Sofiah Ahmad dari BN berjaya membawa harapan baru buat wanita dengan menumpaskan pesaingnya dari PAS, Mohamad Faisol Abd. Rahman dengan mendapat undian sebanyak 3,775 undi. Seterusnya, calon baru dari BN yang mengikut jejak langkah Sofiah ialah Azihani Ali yang mewakili Sena (N7). Beliau yang bersaing

dengan Mohamad Faisol pada tahun 1999 buat julung kalinya berjaya dengan menang tipis sebanyak 544 undi.

**Jadual 3.71: Calon wanita Muslim di Perlis bagi kerusi DUN pada tahun 1978-1999**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1978-1990</i>	-	-	-	-
<i>1995</i>	<b>Sofiah Ahmad</b>	<b>Bintong (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>3,775</b>
<i>1999</i>	<b>Azihani Ali</b>	<b>Sena (N7)</b>	<b>BN</b>	<b>3,211</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Sehubungan dengan itu, beliau dicalonkan semula di kawasan yang sama pada tahun 2004 dan berjaya buat kali kedua dengan majoriti 1,584 undi. Turut dicalonkan ialah Mastika Junaidah Husin dari BN di Sanglang (N15). Beliau juga berjaya menumpaskan pihak lawan dengan menang tipis sebanyak 46 undi sahaja. Dalam tahun 2008, calon tunggal dari PKR pula mencuba nasib di Indera Kayangan (N8) iaitu Pozyah Hamzah. Namun, beliau ditewaskan calon BN iaitu Dr. Por Choo Chor yang mendapat undian tertinggi sebanyak 3,714 undi.

**Jadual 3.72: Calon wanita Muslim di Perlis bagi kerusi DUN pada tahun 2004-2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>2004</i>	<b>Azihani Ali</b>	<b>Sena (N7)</b>	<b>BN</b>	<b>4,001</b>
	<b>Mastika Junaidah Husin</b>	<b>Sanglang (N15)</b>	<b>BN</b>	<b>3,181</b>
<i>2008</i>	<b>Pozyah Hamzah</b>	<b>Indera Kayangan (N8)</b>	<b>PKR</b>	<b>2,451</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.8.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Perlis dari tahun 1959 hingga 2008

Adapun senario yang berlaku dalam kerusi DUN di Perlis juga turut berlaku bagi kerusi Parlimen. Sepanjang 12 musim pilihan raya diadakan, hanya dua kali sahaja pencalonan wanita Muslim disenaraikan iaitu pada tahun 1990 dan 1999. Mereka ialah Rosnah Darus dari S46 yang mewakili Kangar (P1) serta Mastika Junaidah Husin yang mewakili Arau (P3) dari parti BN. Masing-masing mendapat keputusan yang berlainan setelah Rosnah gagal di tangan seterusnya, Ishak Arshad dari BN dan Mastika Junaidah pula berjaya dengan cemerlang dengan menang majoriti 1,586 undi.

**Jadual 3.73: Calon wanita Muslim di Perlis bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-2008**


<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959-1986</i>	-	-	-	-
<i>1990</i>	<b>Rosnah Darus</b>	<b>Kangar (P1)</b>	<b>S46</b>	<b>12,056</b>
<i>1995</i>	-	-	-	-
<i>1999</i>	<b>Mastika Junaidah Husin</b>	<b>Arau (P3)</b>	<b>BN</b>	<b>15,297</b>
<i>2004-2008</i>	-	-	-	-

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.9 Pulau Pinang

Negeri Pulau Pinang memiliki keistimewaan yang tersendiri. Selain mempunyai jambatan terpanjang di Malaysia, negeri ini juga adalah yang pertama menjalankan pilihan raya peringkat tempatan pada Disember 1951 di George Town, Pulau Pinang.

Bagi pilihan raya umum di peringkat penguasa tempatan, buat julung kalinya proses ini diadakan bagi memilih anggota Majlis Perbandaran.



**3. 9: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Pulau Pinang**

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI**

DUN bagi negeri Pulau Pinang mempunyai 40 kawasan, iaitu:

N1 Penaga	N15 Padang Lalang	N29 Datok Keramat
N2 Bertam	N16 Perai	N30 Sungai Pinang
N3 Pinang Tunggal	N17 Bukit Tengah	N31 Batu Lancang
N4 Permatang Berangan	N18 Bukit Tambun	N32 Seri Delima
N5 Sungai Dua	N19 Jawi	N33 Air Itam
N6 Telok Ayer Tawar	N20 Sungai Bakap	N34 Paya Terubong
N7 Sungai Puyu	N21 Sungai Acheh	N35 Batu Uban
N8 Bagan Jermal	N22 Tanjung Bunga	N36 Pantai Jerejak
N9 Bagan Dalam	N23 Air Puteh	N37 Batu Maung
N10 Seberang Jaya	N24 Kebun Bunga	N38 Bayan Lepas
N11 Permatang Pasir	N25 Pulau Tikus	N39 Pulau Betong
N12 Penanti	N26 Padang Kota	N40 Telok Bahang
N13 Berapit	N27 Pengkalan Kota	
N14 Machang Bubuk	N28 Komtar	

## **PARLIMEN**

Manakala Parlimen bagi negeri Pulau Pinang mempunyai 13 kawasan, iaitu:

P041 Kepala Batas	P046 Batu Kawan	P051 Bukit Gelugor
P042 Tasek Gelugor	P047 Nibong Tebal	P052 Bayan Baru
P043 Bagan	P048 Bukit Bendera	P053 Balik Pulau
P044 Permatang Pauh	P049 Tanjung	
P045 Bukit Mertajam	P050 Jelutong	

### **3.9.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Pulau Pinang dari tahun 1959 hingga 2008**

Penyertaan wanita Muslim dalam pilihan raya umum di Pulau Pinang masih belum kelihatan pada tahun 1959. Namun pada tahun 1964, calon tunggal dari PAS iaitu Salmah Sheikh Hussain telah dipertandingkan di Muda (N22) tetapi beliau tewas dengan pesaing dari parti PER, Ismail Che' Chik dengan majoriti 4,273 undi. Setelah itu, bilangan calon wanita kembali sifar pada tahun 1969. Dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1974, Shamsiah Abbas dan Nurashikin yang merupakan calon dari



PEKEMAS telah mewakili Sungai Dua (N7) dan Sungai Pinang (N26). Namun, mereka terpaksa akur dengan keputusan apabila ditewaskan oleh pencabar yang terdiri dari parti BN iaitu Zabidi Ali dan Wong Choong Who dari DAP.

**Jadual 3.74: Calon wanita Muslim di Pulau Pinang bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1974**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959</i>	-	-	-	-
<i>1964</i>	Salmah Sheikh Hussain	Muda (N22)	PAS	1,496
<i>1969</i>	-	-	-	-
<i>1974</i>	Samsiah Abbas Nurashikin	Sungai Dua (N7) Sungai Pinang (N26)	PEKEMAS PEKEMAS	756 1,715

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pencalonan wanita Muslim dari BN iaitu Hindon Hashim yang mewakili Sungai Dua pada tahun 1978 ditewaskan oleh penyandang kerusi Sungai Dua iaitu Zabidi Ali dengan majoriti 704 undi. Tiada pencalonan wanita Muslim dicatatkan dalam pilihan raya 1982. Namun, Gayah @ Ragayah Ariff dari BN dicalonkan di Sungai Aceh (N18) pada tahun 1986 dan berjaya mempertahankan kedudukan daripada pihak lawannya iaitu Md. Noor Shaari dengan majoriti 1,467 undi.

**Jadual 3.75: Calon wanita Muslim di Pulau Pinang bagi kerusi DUN pada tahun 1978-1986**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1978</i>	Hindon Hashim	Sungai Dua (N7)	BN	2,839
<i>1982</i>	-	-	-	-
<i>1986</i>	Gayah @ Ragayah Ariff	Sungai Aceh (N18)	BN	3,822

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam tahun 1990, Rokiah Bee Hassan dari BN telah menang betanding di Telok Ayer Tawar (N8) setelah menewaskan Naser Mohd. Razi dari parti S46. Pada tahun 1995 pula, Jahara Hamid dari BN telah dipertandingkan di Telok Ayer Tawar (N8) dan berjaya mempertahankan kedudukan. Walaubagaimanapun, Jamilah Khaton Zainal Abidin dari S46 terpaksa menggigit jari apabila pencabarnya dari BN menumpaskannya di Bertam (N2) dengan majoriti 5,402 undi.

Sekali lagi, Jahara Hamid dipertandingkan dalam pilihan raya 1999. Beliau menang dengan majoriti 1,293 undi. Manakala Salma Ismail dari PKN di Batu Uban (N30) gagal meraih tempat setelah tewas dengan calon BN, Datuk Khee Phaik Chean. Tahun 2004 menyaksikan Jahara Hamid bertanding buat kali ketiga dan kemenangan masih menjadi miliknya setelah Johari Kassim dari PKN tewas dengan majoriti 3,984 undi. Sebaliknya, Siti Faridah Arshad dari BN yang dipertandingkan dalam pilihan raya 2004 pula berjaya mengekalkan kedudukan.

**Jadual 3.76: Calon wanita Muslim di Pulau Pinang bagi kerusi DUN pada tahun 1990-2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1990</i>	<b>Rokiah Bee Hassan</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>6,711</b>
<i>1995</i>	<b>Jamilah Khaton</b> <b>Zainal Abidin</b>	<b>Bertam (N2)</b>	<b>S46</b>	<b>1,230</b>
<i>1999</i>	<b>Jahara Hamid</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>7,522</b>
	<b>Jahara Hamid</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>5,525</b>
<i>2004</i>	<b>Salma Ismail</b>	<b>Batu Uban (N30)</b>	<b>PKN</b>	<b>7,241</b>
	<b>Jahara Hamid</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>7,181</b>
	<b>Siti Faridah Arshad</b>	<b>Telok Bahang (N40)</b>	<b>BN</b>	<b>5,797</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Berikutnya terdapat lima pencalonan wanita Muslim dalam pilihan raya ke-12 2008. Empat daripadanya berentap di kawasan yang sama iaitu mereka yang terdiri

daripada Zabariah Wahab dari BN dan Noorsiah Arshad dari PKR di kawasan Bertam (N2). Manakala Jahara Hamid dari BN pula bersaing dengan Noorhayati Jaafar dari PKR di Telok Ayer Tawar (N6). Selain itu, hanya seorang sahaja calon dari parti PAS yang dipertandingkan iaitu Asnah Hashim di Bayan Lepas (N38).

**Jadual 3.77: Calon wanita Muslim di Pulau Pinang bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2008</b>	<b>Zabariah Wahab</b>	<b>Bertam (N2)</b>	<b>BN</b>	<b>6,794</b>
	<b>Noorsiah Arshad</b>	<b>Bertam (N2)</b>	<b>PKR</b>	<b>4,142</b>
	<b>Jahara Hamid</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>BN</b>	<b>6,478</b>
	<b>Noorhayati Jaafar</b>	<b>Telok Ayer Tawar (N6)</b>	<b>PKR</b>	<b>5,008</b>
	<b>Asnah Hashim</b>	<b>Bayan Lepas (N38)</b>	<b>PAS</b>	<b>6,164</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.9.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Pulau Pinang dari tahun 1959 hingga 2008**

Mengenai penyertaan wanita Muslim bagi peringkat Parlimen, tidak banyak bezanya dengan negeri-negeri lain yang sedikit bilangannya. Jika diperhatikan, terdapat lapan musim pilihan raya yang tidak disertai oleh calon wanita Muslim iaitu pada tahun 1954 dan 1969 sehinggalah tahun 1995. Selebihnya diisi dengan calon-calon seperti Siti Salmah @ Salmah Sheikh Hussain dari PAS (Seberang Perai P38), calon dari PKN iaitu Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh P44) dan Rohana Ariffin (Balik Pulau P53) dan Norraesah Mohamad (Balik Pulau P53) dari BN.

**Jadual 3.78: Calon wanita Muslim di Pulau Pinang bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-2008**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<i>1959</i>	-	-	-	-
<i>1964</i>	Siti Fatimah @ Salmah Sheikh Hussain	Seberang Utara (P38)	PAS	4,087
<i>1969-1995</i>	-	-	-	-
<i>1999</i>	W. Azizah Wan Ismail	Permatang Pauh (P44)	PKN	23,820
<i>2004</i>	W. Azizah Wan Ismail	Permatang Pauh (P44)	PKN	21,737
<i>2008</i>	Rohana Ariffin	Balik Pulau (P53)	PKN	8,177
	Wan Azizah Wan Ismail	Permatang Pauh (P44)	PKR	30,388
	Nooraesah Mohamad	(Balik Pulau P53)	BN	15,041

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### 3.10 Selangor

Negeri Selangor Darul Ehsan merupakan antara negeri yang mempunyai kepadatan penduduk. Ini disebabkan negeri ini padat dengan pusat perindustrian yang pelbagai. Antara perkara yang menarik mengenai negeri Selangor ialah memiliki dua buah bandar raya iaitu Shah Alam dan Petaling Jaya yang diiktiraf pada 20 Jun 2006.<sup>130</sup>

#### DEWAN UNDANGAN NEGERI

DUN bagi negeri Selangor mempunyai 56 kawasan, iaitu:

N1 Sungai Air Tawar  
N2 Sabak  
N3 Sungai Panjang

N20 Lembah Jaya  
N21 Chempaka  
N22 Teratai

N39 Kota Damansara  
N40 Kota Anggerik  
N41 Batu Tiga


<sup>130</sup> Wikipedia, laman sesawang <http://ms.wikipedia.org/wiki/Selangor>, dicapai 16 Mei 2012.

N4 Sekinchan	N23 Dusun Tua	N42 Meru
N5 Hulu Bernam	N24 Semenyih	N43 Sementa
N6 Kuala Kubu Baharu	N25 Kajang	N44 Sungai Pinang
N7 Batang Kali	N26 Bangi	N45 Selat Klang
N8 Sungai Burong	N27 Balakong	N46 Pelabuhan Klang
N9 Permatang	N28 Seri Kembangan	N47 Pandamaran
N10 Bukit Melawati	N29 Seri Serdang	N48 Kota Alam Shah
N11 Ijok	N30 Kinrara	N49 Seri Andalas
N12 Jeram	N31 Subang Jaya	N50 Sri Muda
N13 Kuang	N32 Seri Setia	N51 Sijangkang
N14 Rawang	N33 Taman Medan	N52 Teluk Datuk
N15 Taman Templer	N34 Bukit Gasing	N53 Morib
N16 Batu Caves	N35 Kampung Tunku	N54 Tanjong Sepat
N17 Gombak Setia	N36 Damansara Utama	N55 Dengkil
N18 Hulu Kelang	N37 Bukit Lanjan	N56 Sungai Pelek
N19 Bukit Antarabangsa	N38 Paya Jaras	

## **PARLIMEN**

Manakala Parlimen bagi negeri Selangor mempunyai 22 kawasan, iaitu:

P092 Sabak Bernam	P100 Pandan	P108 Shah Alam
P093 Sungai Besar	P101 Hulu Langat	P109 Kapar
P094 Hulu Selangor	P102 Serdang	P110 Klang
P095 Tanjong Karang	P103 Puchong	P111 Kota Raja
P096 Kuala Selangor	P104 Kelana Jaya	P112 Kuala Langat
P097 Selayang	P105 Petaling Jaya Selatan	P113 Sepang
P098 Gombak	P106 Petaling Jaya Utara	
P099 Ampang	P107 Subang	



**3.10: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Selangor**

### 3.10.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Selangor dari tahun 1959 hingga 2008

Tahun permulaan bagi penyertaan calon wanita Muslim di Selangor hanya bermula pada pilihan raya 1969 dengan calon tunggal dari parti Perikatan iaitu Salmah Mohd. Salleh. Beliau menang tipis dengan 461 undi setelah berjaya menewaskan calon GRM, Tang Kun Kek. Kelihatannya pada tahun 1974, terdapat dua calon dari parti BN dipertandingkan di Jeram (N12) dan Semenyih (N17) iaitu Norsiah Abd. Rahim dan Salmah Mohd. Saleh. Masing-masing menang dengan memperolehi kiraan undi sebanyak 4,641 dan 3,957.

**Jadual 3.79: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi DUN pada tahun 1959-1974**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1959-1964</i>	-	-	-	-
<i>1969</i>	<b>Salmah Mohd. Salleh</b>	<b>Semenyih (N10)</b>	<b>PER</b>	<b>3,102</b>
<i>1974</i>	<b>Norsiah Abd. Rahim</b>	<b>Jeram (N12)</b>	<b>BN</b>	<b>4,641</b>
	<b>Salmah Mohd. Salleh</b>	<b>Semenyih (N17)</b>	<b>BN</b>	<b>3,957</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya pada tahun 1978 juga terdapat dua calon BN yang bertanding iaitu salah seorang daripadanya dipelopori oleh penyandang DUN Jeram iaitu Norsiah dan seorang pendatang baru iaitu Zaleha Ismail di Permatang (N10). Kedua-dua peserta berjaya menguasai kawasan masing-masing. Dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1982, hanya seorang calon yang bersaing iaitu Siti Fatimah Dullah Sakimi @ S. Fatimah Dullah Sukimi. Beliau yang diamanahkan di Banting (N29) akhirnya

menumpaskan dua calon dari PAS dan BEBAS dengan majoriti 5,170 undi. Sekali lagi dalam tahun 1986, Siti Fatimah berentap di kawasan yang sama beserta dengan Rakibah Abd. Manap dari BN di Hulu Langat (N19). Tanpa diduga, Rakibah dapat menewaskan calon PAS, Ibrahim Moksen dengan majoriti 7,721 undi. Manakala penyandang kerusi DUN Banting kekal dengan kemenangannya untuk dua kali berturut-turut.

**Jadual 3.80: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi DUN pada tahun 1978-1986**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1978</b>	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Permatang (N10)</b>	<b>BN</b>	<b>4,865</b>
	<b>Norsiah Abd. Rahim</b>	<b>Jeram (N12)</b>	<b>BN</b>	<b>5,552</b>
<b>1982</b>	<b>Siti Fatimah Dullah Sakimi @ S. Fatimah Dullah Sukimi</b>	<b>Banting (N29)</b>	<b>BN</b>	<b>6,943</b>
<b>1986</b>	<b>Rakibah Abd. Manap</b>	<b>Hulu Kelang (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>10,250</b>
	<b>Siti Fatimah Dullah Sakimi @ S. Fatimah Dullah Sukimi</b>	<b>Banting (N39)</b>	<b>BN</b>	<b>8,258</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam pilihan raya tahun 1990, Fatimah Suhaimi di Banting (N39) mendapat kemenangan besar apabila mengalahkan pihak lawannya dari PAS, Mohd Mesari Jasman. Seterusnya pada tahun 1995, calon BN iaitu Mesrah Selamat di Jeram (N12) dan Rakibah Abd. Manap di Gombak (N17) berentap dengan calon S46, Salmah Safarman di Kota Raja (N37). Sekali lagi Mesrah Selamat bertanding di Jeram pada tahun 1999 dengan Norkhaila Jamaluddin yang juga dari BN di Taman Medan (N28). Ternyata kemenangan masih berpihak kepada mereka berdua apabila berjaya menewaskan calon-calon PAS.



**Jadual 3.81: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi DUN pada tahun 1990-1999**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1990</i>	<b>Fatimah Suhaimi</b>	<b>Banting (N39)</b>	<b>BN</b>	<b>9,264</b>
<i>1995</i>	<b>Mesrah Selamat</b>	<b>Jeram (N12)</b>	<b>BN</b>	<b>9,254</b>
	<b>Rakibah Abd. Manap</b>	<b>Gombak Setia (N17)</b>	<b>BN</b>	<b>15,050</b>
	<b>Salmah Safarman</b>	<b>Kota Raja (N37)</b>	<b>S46</b>	<b>5,301</b>
<i>1999</i>	<b>Mesrah Selamat</b>	<b>Jeram (N12)</b>	<b>BN</b>	<b>7,225</b>
	<b>Norkhaila</b>	<b>Taman Medan (N28)</b>	<b>BN</b>	<b>13,258</b>
	<b>Jamaluddin</b>			

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Tahun 2004 menyaksikan empat calon berentap di kawasan yang sama. Seripah Noli Syed Husin (BN) dan Mastura Muhamad (PAS) berebut tempat di Seri Setia (N32). Manakala Norliza Ahmad (BN) dan Halimah Ali (PAS) pula bersaing di Selat Kelang (N45). Selain itu, calon PAS iaitu Wan Hasrina Wan Hassan pula kecundang dengan majoriti 9,307 undi. Begitu juga dengan Annette Syed Mohamed @ Animah Annette Ferrar Syed Mohamed dari PKN yang tewas di Kota Anggerik (N40).

**Jadual 3.82: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi DUN pada tahun 2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>2004</i>	<b>Wan Hasrina Wan Hassan</b>	<b>Lembah Jaya (N20)</b>	<b>PAS</b>	<b>7,785</b>
	<b>Seripah Noli Syed Husin</b>	<b>Seri Setia (N32)</b>	<b>BN</b>	<b>16,911</b>
	<b>Mastura Muhamad</b>	<b>Seri Setia (N32)</b>	<b>PAS</b>	<b>5,770</b>
	<b>Annette Syed Mohamed @ Animah Ferrar Syed Mohamed</b>	<b>Kota Anggerik (N40)</b>	<b>PKN</b>	<b>8,652</b>
	<b>Norliza Ahmad</b>	<b>Selat Kelang (N45)</b>	<b>BN</b>	<b>12,593</b>
	<b>Halimah Ali</b>	<b>Selat Kelang (N45)</b>	<b>PAS</b>	<b>6,508</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Seterusnya tahun 2008 mencatat sejarah yang tersendiri apabila jumlah penyertaan calon wanita yang bertanding adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 9 orang. Empat daripadanya berebut di kawasan yang sama iaitu Haniza Mohamed Talha (PKR) dan Munaliza Hamzah (BN) di Taman Medan (N33) serta Halimah Ali (PAS) dan Norliza Ahmad (BN) di Selat Kelang (N45). Adapun penyandang kerusi Seri Setia, Seripah Noli Syed Husin tewas dengan calon PKR sebanyak 2,863 undi.

**Jadual 3.83: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi DUN pada tahun 2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2008</b>	<b>Haslinda Mohd Zerain</b>	<b>Bukit Antarabangsa (N19)</b>	<b>BN</b>	<b>10,350</b>
	<b>Nosimah Hashim</b>	<b>Cempaka (N21)</b>	<b>BN</b>	<b>11,480</b>
	<b>Seripah Noli Syed Hussin</b>	<b>Seri Setia (N32)</b>	<b>BN</b>	<b>10,975</b>
	<b>Haniza Mohamed Talha</b>	<b>Taman Medan (N33)</b>	<b>PKR</b>	<b>16,803</b>
	<b>Munaliza Hamzah</b>	<b>Taman Medan (N33)</b>	<b>BN</b>	<b>12,370</b>
	<b>Rodziah Ismail</b>	<b>Batu Tiga (N41)</b>	<b>PKR</b>	<b>15,852</b>
	<b>Halimah Ali</b>	<b>Selat Kelang (N45)</b>	<b>PAS</b>	<b>11,437</b>
	<b>Norliza Ahmad</b>	<b>Selat Kelang (N45)</b>	<b>BN</b>	<b>9,978</b>
	<b>Roselinda Abdul Jamil</b>	<b>Pelabuhan Klang (N46)</b>	<b>BN</b>	<b>7,990</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Begitu juga dengan calon-calon dari BN seperti Haslinda Mohd Zerain dari BN yang gagal menawan kawasan masing-masing iaitu di Bukit Antarabangsa (N19), Nosimah Hasim di Cempaka (N21) dan Roselinda Abdul Jamil di Pelabuhan Klang (N46). Sebaliknya Rodziah Ismail yang pertama kali dipertandingkan menang selesa setelah mengalahkan calon BN, Datuk Salamon Selamat dengan perbezaan 3,563 undi.

### 3.10.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Selangor dari tahun 1959 hingga 2008

Bagi kawasan Parlimen pula, Aishah Ghani adalah peserta pertama yang memulakan langkah awal dalam pilihan raya tahun 1959. Beliau yang mewakili parti PER dicalonkan di Setapak tetapi ditewaskan oleh calon FS iaitu Ahmad Boestamam dengan majoriti 2,096 undi. Pada tahun 1964 dan 1969, tiada pencalonan dari wanita Muslim direkodkan. Namun pada tahun 1974, Aishah Ghani bangkit semula dan kali ini dicalonkan di Kuala Langat (P82) serta mendapat keputusan menang tanpa bertanding.

**Jadual 3.84: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-1974**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	<i><b>Aishah Ghani</b></i>	<i><b>Setapak</b></i>	<i><b>PER</b></i>	<i><b>4,805</b></i>
<i><b>1964-1969</b></i>	<i><b>-</b></i>	<i><b>-</b></i>	<i><b>-</b></i>	<i><b>-</b></i>
<i><b>1974</b></i>	<i><b>Aishah Ghani</b></i>	<i><b>Kuala Langat (P82)</b></i>	<i><b>BN</b></i>	<i><b>M/T.B</b></i>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Berikutnya pada tahun 1978, Rafidah Aziz yang digandingkan dengan Aishah Ghani di Selayang (P77) dan Kuala Langat berjaya meraih kemenangan. Begitu juga dengan calon BN, Zaleha Ismail dan Rahmah Osman yang dicalonkan di Tanjong Karang (P74) dan Selayang (P77) mengikut jejak langkah yang sama setelah menewaskan pihak lawan pada tahun 1982 dengan undian 16,396 dan 51,353. Sekali lagi kemenangan menjadi milik mereka apabila berjaya menguasai kedudukan dalam pilihan raya 1986 tetapi di kawasan yang berbeza iaitu P87 Selayang (Zaleha Ismail) dan P92 Shah Alam (Rahmah Osman).

**Jadual 3.85: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1978-1986**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1978</i>	<b>Rafidah Aziz</b>	<b>Selayang (P77)</b>	<b>BN</b>	<b>38,627</b>
	<b>Aishah Ghani</b>	<b>Kuala Langat (P82)</b>	<b>BN</b>	<b>14,405</b>
<i>1982</i>	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Tanjong Karang (P74)</b>	<b>BN</b>	<b>16,396</b>
	<b>Rahmah Osman</b>	<b>Selayang (P77)</b>	<b>BN</b>	<b>51,353</b>
<i>1986</i>	<b>Aishah Ghani</b>	<b>Kuala Langat (P82)</b>	<b>BN</b>	<b>20,866</b>
	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Selayang (P87)</b>	<b>BN</b>	<b>40,681</b>
	<b>Rahmah Osman</b>	<b>Shah Alam (P92)</b>	<b>BN</b>	<b>32,714</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam tahun 1990 telah berlaku persaingan di antara Datin Paduka Rahmah Osman dari S46 dengan Rakiah Abd. Manap dari BN di Shah Alam. Malangnya calon S46 ini gagal apabila ditewaskan oleh Rakiah dengan 16,638 undi. Sementara itu, Zaleha Ismail kembali berentap dalam pilihan raya tahun 1995 bersama-sama dengan Seripah Noli Syed Hussin. Masing-masing yang merupakan calon BN diletakkan di Gombak (P91) dan Sepang (P102) berjaya menguasai kedudukan dengan cemerlang. Mereka juga bertarung di kawasan yang sama dalam tahun 1999 beserta dengan calon dari DAP, Zaitun Kassim di Selayang (P90). Ternyata kemenangan hanya berpihak kepada Zaleha Ismail dan Seripah Noli Syed Hussin sahaja. Manakala Zaitun pula terpaksa menerima kenyataan dengan kekalahan undi sebanyak 8,835.

**Jadual 3.86: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi Parlimen pada tahun 1990-1999**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1990</i>	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Selayang (P87)</b>	<b>BN</b>	<b>51,062</b>
	<b>Rahmah Osman</b>	<b>Shah Alam (P92)</b>	<b>S46</b>	<b>25,129</b>
	<b>Rakiah Abd. Manap</b>	<b>Shah Alam (P92)</b>	<b>BN</b>	<b>41,767</b>
<i>1995</i>	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Gombak (P91)</b>	<b>BN</b>	<b>38,763</b>

<b>1999</b>	<b>Seripah Noli Syed Hussin</b>	<b>Sepang (P102)</b>	<b>BN</b>	<b>26,022</b>
	<b>Zaitun Kassim</b>	<b>Selayang (P90)</b>	<b>DAP</b>	<b>26,144</b>
	<b>Zaleha Ismail</b>	<b>Gombak (P91)</b>	<b>BN</b>	<b>28,113</b>
	<b>Seripah Noli Syed Hussin</b>	<b>Sepang (P102)</b>	<b>BN</b>	<b>23,069</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 2004, Noriah Kasnon dan Rozaidah Talib dari BN dicalonkan bagi kerusi Parlimen Sungai Besar (P93) dan Ampang (P99). Manakala Mariah Mahmud dari PAS di Kota Raja (P111). Pada tahun 2008, tiga calon yang bertanding mengalahkan pihak lawan. Dua daripadanya adalah peserta musim lepas, Noriah Kasnon (BN) dan Mariah Mahmud (PAS) dan Zuraida Kamaruddin dari PKR juga turut menang majoriti 3,676 undi.

**Jadual 3.87: Calon wanita Muslim di Selangor bagi kerusi Parlimen pada tahun 2004-2008**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>2004</b>	<b>Noriah Kasnon</b>	<b>Sungai Besar (P93)</b>	<b>BN</b>	<b>15,337</b>
	<b>Rozaidah Talib</b>	<b>Ampang (P99)</b>	<b>BN</b>	<b>33,214</b>
	<b>Mariah Mahmud</b>	<b>Kota Raja (P111)</b>	<b>PAS</b>	<b>16,137</b>
<b>2008</b>	<b>Noriah Kasnon</b>	<b>Sungai Besar (P93)</b>	<b>BN</b>	<b>16,069</b>
	<b>Zuraida Kamaruddin</b>	<b>Ampang (P99)</b>	<b>PKR</b>	<b>26,995</b>
	<b>Siti Mariah Mahmud</b>	<b>Kota Raja (P111)</b>	<b>PAS</b>	<b>38,630</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **3.11 Terengganu**

Terengganu Darul Iman terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Negeri ini memiliki tarikan yang tersendiri seperti penenunan songket yang cukup berkualiti dan makanan masyarakat yang dikenali sebagai keropok lekor. Negeri ini menjadi

tumpuan pelancong asing untuk berkunjung bagi menyaksikan spesies penyu bertelur dan keindahan kawasan pantai yang indah.

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI**


Dun bagi negeri Terengganu mempunyai 32 kawasan, iaitu:

N1 Kuala Besut	N12 Bukit Tunggal	N23 Kuala Berang
N2 Kota Putera	N13 Wakaf Mempelam	N24 Ajil
N3 Jertih	N14 Bandar	N25 Bukit Besi
N4 Hulu Besut	N15 Ladang	N26 Ranyau Abang
N5 Jabi	N16 Batu Buruk	N27 Sura
N6 Permaisuri	N17 Alur Limbat	N28 Paka
N7 Langkap	N18 Bukit Payung	N29 Kemasik
N8 Batu Rakit	N19 Ru Rendang	N30 Kijal
N9 Tepuh	N20 Pengkalan Berangan	N31 Cukai
N10 Teluk Pasu	N21 Telemung	N32 Air Putih
N11 Seberang Takir	N22 Manir	

## **PARLIMEN**

Manakala Parlimen bagi negeri Terengganu mempunyai 8 kawasan, iaitu:

P033 Besut	P036 Kuala Terengganu	P039 Dungun
P034 Setiu	P037 Marang	P040 Kemaman
P035 Kuala Nerus	P038 Hulu Terengganu	



3.11: Peta Kawasan DUN dan Parlimen Negeri Terengganu

### 3.11.1 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi DUN di negeri Terengganu dari tahun 1959 hingga 2008

Pencalonan wanita Muslim di Terengganu mengalami bilangan yang sedikit. Sekiranya wujud, kemenangan agak sukar dicapai. Ini dapat dilihat pada tahun 1959, Saripah Azzah Apple dari parti PER yang dicalonkan di Ladang (N11) terpaksa bersaing dengan tiga calon lelaki dari parti PAS, FS dan PN. Beliau terpaksa akur dengan keputusan undian apabila hanya mendapat 793 undi. Dalam pilihan raya berikutnya iaitu tahun 1964, tiada seorang pun wanita dipertandingkan. Namun pada tahun 1969, wanita kembali beraksi dengan pencalonan dari parti PER iaitu Teh Hassan bagi kerusi Chukai (N19) dan calon lama, Saripah Azzah Apple Syed Shith di Binjai (N22).

**Jadual 3.88: Calon wanita Muslim di Terengganu bagi kerusi DUN pada tahun 1959-2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1959</b></i>	<b>Saripah Azzah Apple</b>	<b>Lading (N11)</b>	<b>PER</b>	<b>793</b>
<i><b>1964</b></i>	-	-	-	-
<i><b>1969</b></i>	<b>Teh Hassan</b>	<b>Chukai (N19)</b>	<b>PER</b>	<b>1,867</b>
	<b>Saripah Azzah Apple</b>	<b>Binjai (N22)</b>	<b>PER</b>	<b>3,043</b>
<i><b>1974-2004</b></i>	-	-	-	-
<i><b>2008</b></i>	<b>Nordiana Shafie</b>	<b>Batu Buruk (N16)</b>	<b>BN</b>	<b>9,511</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Kemenangan sulung buat Teh Hassan setelah menewaskan calon PAS dengan majoriti 421 undi. Walaubagaimanapun, Saripah Azzah pula hampa dengan kekalahan kedua dengan hanya majoriti 508 undi sahaja. Selepas itu, kelibat wanita kian tenggelam apabila tiada pencalonan dari wanita Muslim selama lapan musim berturut-



turut iaitu dari tahun 1974 sehingga 2004. Hanya Nordiana Shafie dari BN yang dicalonkan di Batu Buruk (N16) dalam pilihan raya ke-12.

### **3.11.2 Senarai pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen di negeri Terengganu dari tahun 1959 hingga 2008**

Dalam pada itu, pencalonan wanita Muslim bagi kerusi Parlimen juga mengalami keadaan serupa apabila hanya tiga peserta sahaja yang disenaraikan. Mereka adalah Khadijah Mohd Sidik dari PAS yang dicalonkan di Dungun pada tahun 1959, Siti Nor Abdul Hamid Tuah dari PSRM di Ulu Nerus (P29) dalam tahun 1974 serta Maimun Yusuf<sup>131</sup> di Kuala Terengganu (P36) yang bertanding secara persendirian (BEBAS) pada tahun 2008. Sembilan musim yang lain terus sepi tanpa kehadiran wanita Muslim dalam pilihan raya iaitu pada tahun 1964, 1969 serta 1978 sehinggalah 2004.

**Jadual 3.89: Calon wanita Muslim di Terengganu bagi kerusi Parlimen pada tahun 1959-2008**

<b>TAHUN</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>	<b>PARTI</b>	<b>JUMLAH UNDI</b>
<b>1959</b>	<b>Khadijah Mohd Sidik</b>	<b>Dungun</b>	<b>PAS</b>	<b>6,249</b>
<b>1964-1969</b>	-	-	-	-
<b>1974</b>	<b>Siti Nor Abdul Hamid Tuah</b>	<b>Ulu Nerus (P29)</b>	<b>PSRM</b>	<b>6,316</b>
<b>1978-2004</b>	-	-	-	-
<b>2008</b>	<b>Maimun Yusuf</b>	<b>Kuala Terengganu (P36)</b>	<b>BEBAS</b>	<b>685</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

<sup>131</sup> Maimun Yusuf atau 'Tok Mun' (berumur 89 tahun) yang memiliki seramai 19 cucu, mengejutkan ramai kerana bertanding dalam PRU 2008 di parlimen Kuala Terengganu. Beliau kalah kepada calon Barisan Nasional / UMNO iaitu Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Razali Ismail Razali yang memperolehi 32,562 undi dan Mohamad Sabu dari PAS yang mendapat 31,934 undi. Manakala Maimun pula hanya memperolehi 685 undi. Ketika bertanding, beliau menggunakan lambang kunci dan berbasikal ke sana sini.

### **3.12 Wilayah Persekutuan**

Wilayah Persekutuan dapat dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya terletak di Semenanjung Malaysia. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan pula di Sabah. Namun begitu, hanya dua kawasan yang merangkumi ruang lingkup kajian penulis iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang terletak di Semenanjung Malaysia.

#### **a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**


Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memiliki keluasan sejumlah 243 km persegi.

Manakala di sini terdapat 11 kawasan Parlimen iaitu:

P114 Kepong  
P115 Batu  
P116 Wangsa Maju  
P117 Segambut

P118 Setiawangsa  
P119 Titiwangsa  
P120 Bukit Bintang  
P121 Lembah Pantai

P122 Seputeh  
P123 Cheras  
P124 Bandar Tun Abdul  
Razak



**Rajah 3.12: Peta Kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Selain itu, kawasan ini hanya mula disenaraikan sebagai kawasan pilihan pada tahun 1974 kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinobatkan sebagai bandar pada tahun tersebut. Menyingkap sejarah pencalonan wanita Muslim di sini, hanya bermula pada tahun 1990. Ini bermakna empat musim berturut-turut dipelopori oleh kaum lelaki. Pada tahun 1990, Marina Yusoff dari S46 telah dicalonkan bagi kawasan Lembah Pantai (P100). Beliau yang pertama kali bertanding dalam pilihan raya gagal meraih sokongan rakyat setempat setelah pencabarnya dari BN, Mohamed Kamal Hussain menang dengan majoriti 7,334 undi.

**Jadual 3.90: Calon wanita Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kerusi Parlimen pada tahun 1974-1990**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>	<i><b>JUMLAH UNDI</b></i>
<i><b>1974-1986 1990</b></i>	- <b>Marina Yusoff</b>	- <b>Lembah Pantai (P100)</b>	- <b>S46</b>	- <b>18,309</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Dalam tahun 1995 pula, Aliah @ Nailah Nani yang juga dari parti S46 telah bersaing dengan calon BN, Kamal Salih di Wangsa Maju (P105). Beliau juga mengalami nasib yang sama setelah gagal dengan hanya mendapat 7,990 undi berbanding pihak lawan dengan 35,884 undi. Adapun calon baru dari BN iaitu Shahrizat @ Shahrizat Abdul Jalil yang bertanding di Lembah Pantai (P109) berjaya menawan hati rakyat dengan memperolehi 23,447 undi daripada 33,984 yang keluar mengundi.

**Jadual 3.91: Calon wanita Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kerusi Parlimen pada tahun 1995**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1995</i>	<b>Aliah @ Nailah Nani Shahrizhat @ Shahrizat Abdul Jalil</b>	<b>Wangsa Maju (P105) Lembah Pantai (P109)</b>	<b>S46 BN</b>	<b>7,990 23,447</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Di atas kemenangan beliau pada musim lepas, beliau kembali bersaing di kawasan yang sama bersama dengan calon lama, iaitu Marina Yusoff dalam pilihan raya 1999. Kelihatannya beliau masih memperolehi kemenangan dengan menewaskan Zainur Zakaria dari PKN dengan majoriti 1,454 undi. Sementara itu, Marina Yusoff terpaksa tunduk dengan kekalahan di tangan seterusnya iaitu Datuk Zulhasnan Rafique dari BN dengan majoriti 5,618 undi. Pada tahun 2004, hanya calon tunggal dari BN dipertandingkan dan beliau yang dimaksudkan ialah Shahrizat Abdul Jalil. Ternyata beliau berjaya mengekalkan kedudukan dengan kemenangan selesa sebanyak 26,474 undi.

**Jadual 3.92: Calon wanita Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kerusi Parlimen pada tahun 1999-2004**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<i>1999</i>	<b>Marina Yusoff Shahrizat Abdul Jalil</b>	<b>Wangsa Maju (P105) Lembah Pantai (P109)</b>	<b>PKN BN</b>	<b>24,379 18,726</b>
<i>2004</i>	<b>Shahrizat Abdul Jalil</b>	<b>Lembah Pantai (P121)</b>	<b>BN</b>	<b>26,474</b>

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004

Pada tahun 2008 pula hanya tiga wanita Muslim yang dicalonkan. Dua daripadanya bertanding di kawasan yang sama (Lembah Pantai) iaitu Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dari BN dan Nurul Izzah Anwar dari PKR. Datuk Seri Shahrizat yang sebelum ini menduduki kerusi ini pada pilihan raya lepas ternyata tewas di tangan Nurul Izzah. Sementara itu seorang calon dari PAS, Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali bertanding di kerusi Parlimen Titiwangsa bersama dengan calon BN iaitu Datuk Aziz Jamaludin.

**Jadual 3.93: Calon wanita Muslim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kerusi Parlimen pada tahun 2008**

<i>TAHUN</i>	<i>NAMA</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>PARTI</i>	<i>JUMLAH UNDI</i>
<b>2008</b>	<b>Lo'Lo Mohamad Ghazali</b>	<b>Titiwangsa (P119)</b>	<b>PAS</b>	<b>17,857</b>
	<b>Shahrizat Abdul Jalil</b>	<b>Lembah Pantai (P121)</b>	<b>BN</b>	<b>18,833</b>
	<b>Nurul Izzah Anwar</b>	<b>Lembah Pantai (P121)</b>	<b>PKR</b>	<b>21,728</b>


Sumber: Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

#### **b) Wilayah Persekutuan Putrajaya**

Putrajaya atau nama Wilayah Persekutuan Putrajaya berperanan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru. Manakala Kuala Lumpur pula akan kekal sebagai ibu negara serta pusat utama kewangan dan perdagangan. Keistimewaannya adalah tempat ini dibangunkan berasaskan 'Bandar Dalam Taman'.<sup>132</sup> Kawasan parlimen bagi Putrajaya ialah Putrajaya (P125) dan pilihan raya hanya dijalankan pada

<sup>132</sup> Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya, laman sesawang <http://www.ppi.gov.my>, dicapai 16 Mei 2012.

tahun 2004 kerana kawasan ini disatukan ke dalam Persekutuan pada tahun 2001. Namun demikian, tiada sebarang pencalonan pada waktu itu sehinggalah tahun 2008.



**Rajah 3.13: Peta Kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya**

**Jadual 3.94: Senarai calon wanita Muslim di Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi kerusi Parlimen pada tahun 2004-2008**

<i><b>TAHUN</b></i>	<i><b>KAWASAN</b></i>	<i><b>NAMA</b></i>	<i><b>PARTI</b></i>
<b>2004-2008</b>	<b>Tiada Pencalonan</b>	-	-

Sumber: Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-2004 dan Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

### **Kesimpulan**

Penulis mendapati kesungguhan mereka mengambil bahagian dalam politik memperlihatkan kepada kita bahawa golongan wanita juga adalah sebahagian daripada masyarakat yang akan membina negara dan seterusnya tamadun. Mereka berani menentang golongan lelaki untuk mengekalkan kedudukan masing-masing. Soal menang atau kalah bukanlah isu utama tetapi keinginan untuk menyertai pencalonan dalam pilihan raya seharusnya dilihat dalam aspek yang sangat positif.